

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"PADA hari ini kita bercakap mengenai hijrah dan sekiranya umat Islam berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan, maka bermakna inilah hijrah yang paling bersejarah untuk mereka."
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1430.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"PERUMPAMAAN orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebijih benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah mengandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."
- (Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261).

Waktu Sembahyang

Table with prayer times: IMSAK 4.49, SUBUH 4.59, SYURUK 6.16, DUHA 6.39, ZUHUR 12.23, ASAR 3.28, MAGHRIB 6.28, ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 42

8 APRIL 2017 / 1438 11 رجب

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Tunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Jumaat, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di masjid tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik. Juga berangkat Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam. Berangkat sama paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.
- Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali (Lihat muka 3 dan 4).



Empat warga diusir kerana menyokong keganasan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus memastikan Negara Brunei Darussalam bebas dari sebarang ancaman yang

boleh menggugat keamanan, keharmonian dan keselamatan negara, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dengan kerjasama dari agensi-agensi perisikan dan penguatkuasaan di negara ini telah bertindak menahan dan seterusnya mengusir empat warga asing dari

negara ini atas penglibatan dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan ektremisme dan penganasan.

Berikutan operasi pada Februari 2017, empat orang warga Indonesia telah ditahan di bawah Bab 55 Akta Keselamatan Dalam Negeri dan seterusnya telah diusir dan disenaraihitamkan dari memasuki negara ini setelah mereka didapati mempunyai kecenderungan terhadap ideologi kumpulan militan Islamic State (IS).

Kecempat-empat suspek yang dimaksudkan adalah Teuku 'Muhammad Zein Teuku Sofyan, 31, Murtadho Bakri, 46, Andri Rahayu Sukirman, 33 dan Firdaus Muhammad Ali, 37.

Ke muka 13



Muka 5

BERKENAN menerima mengadap



Muka 7

BERANGKAT disertai sesi bergambar ramai bersama Pasukan Brunei DPMM FC

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Belia berpotensi membentuk sosioekonomi, pembangunan negara

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ADALAH satu penghormatan bagi saya untuk berada di sini, bersama-sama para hadirin bagi Majlis Perasmian Bengkel Eko-Keusahawanan YSEALI 2017.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ms. Rachel Espejo dan Ms. Cherris De Erit Atilano dari Generation GR3EN atas undangan ini dan memberikan saya kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata.

Negara Brunei Darussalam, seperti juga negara-negara lain di dunia ini, berusaha keras dalam pembangunan belia. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan penekanan lebih dalam membina generasi muda dan keupayaan mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan negara dan memberi keyakinan kepada mereka untuk menceburi bidang yang berbeza di dalam dan di luar sempadan kita. Dalam usaha ini, kita sentiasa berterima kasih atas sokongan yang kita terima.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Amerika Syarikat, khususnya kepada Tuan Yang Terutama Duta Besar Craig Allen, dalam menyediakan platform hebat ini kepada golongan muda ASEAN untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang diperlukan dan kemahiran yang boleh memajukan diri mereka dalam menceburi bidang eko-keusahawanan yang semakin berkembang ini. United State terus menjadi rakan kongsi strategik kepada Brunei Darussalam dan ASEAN; dan melalui program YSEALI seperti ini, ramai belia ASEAN telah mendapat manfaat dalam pelbagai cara.

Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada para peserta belia dari negara-negara ahli ASEAN ke bengkel ini. Saya berharap anda semua gembira sepanjang berada di Brunei Darussalam dan meraih manfaat sepenuhnya daripada peluang terbuka di bengkel ini.

Kita semua tahu bahawa setiap belia, tidak kira di mana dan siapa mereka, mempunyai keistimewaan dan potensi yang bermakna bagi membentuk sosioekonomi dan pembangunan di negara masing-masing dan dunia secara amnya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan segenap pendekatan kerajaan, telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengenal pasti dan membangunkan potensi dan masa depan belia.

Dalam hal ini, sebagai kementerian yang bertanggungjawab pada hal ehwal belia, Kementerian Kebudayaan, Belia



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar General (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap pada Generation Gr3en : 2017 YSEALI Eco-Entrepreneurship Workshop pada hari Sabtu, 25 Februari 2017 di Dewan Mutiara, Hotel Radisson, Bandar Seri Begawan.

Terjemahan dari teks asal
dalam bahasa Inggeris oleh
Hajah Apsah Haji Sahdan

dan Sukan (KKBS) secara berterusan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan penglibatan belia dalam pelbagai bidang yang berbeza, dengan sumbangan lebih jelas dan produktif.

Tahun lalu, KKBS memperkenalkan format baharu dalam Sambutan Hari Belia Kebangsaan Brunei, dengan membawa bersama-sama lebih satu ribu (1,000) belia yang positif menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah untuk memanfaatkan pembangunan dan program memperkasa belia, termasuk program-program keusahawanan untuk merangsang ekonomi Brunei. Acara ini, yang merupakan anugerah baginda sendiri, bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai peluang-peluang yang sedia ada dan potensi kejayaannya.

KKBS secara aktif mempromosikan keusahawanan sebagai salah satu cara untuk melibatkan belia yang berbakat untuk meneroka idea-idea baharu dan lebih inovatif dalam membangunkan ekonomi masa depan Brunei. Kami juga menyedari bahawa terdapat belia yang mempunyai pelbagai bakat, kebolehan yang berbeza dan percaya keusahawanan, boleh menjadi salah satu saluran dalam mewujudkan pekerjaan serta membawa kejayaan kepada mereka.

Pusat Pembangunan Belia, di bawah bidang kuasa KKBS, dengan kerjasama sektor kerajaan dan swasta yang lain, memberi tumpuan kepada belia yang tidak memenuhi keperluan pendidikan untuk melanjutkan pelajaran. Pusat tersebut menawarkan program untuk mengasah kemahiran vokasional dan teknikal mereka dan menyediakan mereka latar belakang keusahawanan yang perlu dipertimbangkan melalui program memulakan perniagaan seperti Program Belia Berdikari atau 'Youth Self Reliant Programme'.

Tidak lupa juga kepada mereka yang berkeperluan khas. Negara Brunei Darussalam telah meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Kurang Upaya (UNCRPD) pada tahun lepas dan sedang mengusahakan langkah-langkah yang sesuai dalam melaksanakannya. Satu yang menarik perhatian kita, ialah menggalakkan peluang untuk bekerja sendiri, keusahawanan, pembangunan koperasi dan memulakan perniagaan sendiri. Unit Pusat Bahagia di Kementerian terus menggalakkan usahawan sosial dengan menyediakan latihan kemahiran untuk membangunkan dan mempamerkan keupayaan pelajar keperluan khas mereka juga membantu mereka dalam memasarkan produk-produk mereka.

Peranan para belia dalam pembangunan, sudah tentu, tidak terhad pada sempadan negara. Dalam konteks ASEAN, belia merupakan 60 peratus daripada jumlah penduduk ASEAN secara umum dan dengan itu, diiktiraf sebagai penyumbang aktif dalam peranan kepimpinan serantau dan sumbangan yang berharga di dalam membentuk dan membina komuniti ASEAN.

Tahun ini, ASEAN akan meraikan Ulang Tahun Penubuhannya yang Ke-50 Tahun. Sepanjang 50 tahun ASEAN, salah satu daripada ciri-ciri umum yang telah ditekankan adalah kepentingan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembinaan Komuniti ASEAN.

Pelan Kerja Belia ASEAN 2016 - 2020 kini, melalui program-program keusahawanan, pekerjaan, pertukaran rakyat dengan rakyat, kecekapan dan daya tahan serta sukarelawan, menjadi proses memupuk dan mengasah belia kita sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa depan.

Dari perspektif ini, matlamat bengkel dan program YSEALI memang wajar selaras dengan aspirasi ASEAN.

Untuk tahun sekarang, terdapat banyak perbincangan mengenai masalah alam sekitar yang dihadapi oleh dunia kerana pelbagai cabaran yang menakutkan seperti pencemaran, pemanasan global, pengurangan sumber asli dan kehilangan biodiversiti.

Ke muka 13

Dari Sidang
Pengarang.

8 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 11

PELIHARA DAN TINGKATKAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN MENTAL

MEMPUNYAI kesihatan badan yang baik, sama ada secara fizikal mahupun mental, merupakan satu perkara yang sangat bernilai dan diimpikan oleh semua. Tiada gunanya mempunyai harta dan kekayaan jika ia tidak dapat dinikmati disebabkan tidak mempunyai kesihatan yang baik.

Namun sebagai manusia, sering kali aspek kesihatan dilupakan disebabkan kesibukan menjalankan kehidupan seharian ataupun tanggapan pada individu sendiri bahawa badan akan sentiasa sihat. Lazimnya apabila sudah ditimpa masalah, barulah kita menyedari nikmat dan kesenangan yang dikurniakan selama ini.

Justeru salah satu langkah penjagaan kesihatan ialah pencegahan atau slogan yang sering didengar, iaitu "Prevention is better than cure".

Berkata mengenai kesihatan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO) meraikan Hari Kesihatan Sedunia yang memberi tumpuan mengenai kesihatan mental dengan tema "Depression - let's talk" (Kemurungan - Mari Berbicara).

Gangguan mental secara am seperti kemurungan dan kebimbangan, seperti yang dinyatakan dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi sempena Hari Kesihatan Sedunia 2017, memberi kesan kepada hampir 10 peratus penduduk dunia.

Kemurungan juga merupakan punca terbesar bagi ketidakupayaan di seluruh dunia. Maka adalah penting untuk memastikan masyarakat faham mengenai kepentingan kesihatan mental yang baik dan boleh mengambil langkah-langkah untuk mencegah dan merawat masalah kesihatan mental seperti kemurungan.

Menurut Menteri Kesihatan lagi, pada tahun 2016, klinik pesakit luar dewasa bagi perkhidmatan psikiatri di negara ini mencatatkan 9,000 konsultasi termasuk 346 kes rujukan baharu. Sementara itu, perkhidmatan kesihatan mental bagi kanak-kanak dan remaja mencatatkan hampir 600 konsultasi dengan 40 kes baharu. Ini menunjukkan masalah kesihatan mental memberi kesan merentasi semua peringkat umur dan jangka hayat.

Kemurungan boleh disebabkan oleh masalah peribadi seperti masalah kewangan, pengangguran, kehilangan orang yang disayangi, pembulian, tekanan rakan sebaya, penyalahgunaan dadah, penderaan seksual atau fizikal dan lain-lain.

Dengan kemurungan, ia boleh sahaja memberi kesan kepada keupayaan seseorang individu untuk menjalankan rutin harian, justeru masalah kesihatan mental tidak boleh dipandang ringan.

Dalam ajaran agama Islam juga menyediakan pelbagai pendekatan, cara atau teknik tertentu bagi tujuan memelihara atau meningkatkan kesejahteraan kesihatan mental pada setiap masa, iaitu dengan penerapan nilai-nilai murni yang ditunjangi keimanan dan ketakwaan.

Islam mendidik supaya sentiasa sabar dan reda dengan kehidupan serta mampu menilai ujian sebagai penghapus dosa dan peningkatan keimanan. Amalan sembahyang, membaca Al-Quran dan berzikir jika dihayati semuanya insyaaAllah akan boleh menghapuskan kerisauan, rasa cecewa dan putus asa. Ini adalah kerana ketika melakukan amalan-amalan tersebut, di samping meraih ganjaran pahala, pemikiran juga fokus ke arah aktiviti yang neutral dan positif sahaja.

Masalah kesihatan mental perlu di ambil serius dan dapatkan rawatan dengan secepatnya sebelum ia memberi kesan yang lebih negatif kepada kehidupan seharian. Sentiasa beringat bahawa kesihatan yang baik bukan sahaja terletak kepada aspek fizikal, malahan juga kepada mental. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

Ramalan Cuaca 3 Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANTAR SERI BEGAWAN		
31°C ☁️ 25°C	31°C ☁️ 24°C	32°C ☁️ 25°C
MUHAR		
31°C ☁️ 25°C	31°C ☁️ 24°C	32°C ☁️ 25°C
PERAK BANGAR		
31°C ☁️ 24°C	31°C ☁️ 24°C	31°C ☁️ 25°C
PERAK TUTONG		
31°C ☁️ 25°C	31°C ☁️ 24°C	31°C ☁️ 25°C
PERAK SERIA		
31°C ☁️ 24°C	31°C ☁️ 24°C	32°C ☁️ 25°C
MUDA BELAIT		
31°C ☁️ 24°C	31°C ☁️ 24°C	32°C ☁️ 25°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi APRIL	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	11	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	AHAD	12	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	ISNIN	13	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	SELASA	14	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37
12	RABU	15	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	KHAMIS	16	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	JUMAAT	17	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
123
2380214

Tunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak sejourus keberangkatan tiba baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir (kiri), sementara gambar atas adalah plak yang berkenan ditandatangani oleh baginda ketika berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Dari muka 1

Sejourus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM dijunjung bagi menandatangani plak dan diiringi dengan laungan takbir sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Azan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama dilancarkan oleh Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Awang Haji Md. Deli bin Haji Raya, manakala Khutbah Jumaat dan Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, masjid berkenaan, Awang Haji Jaya bin Haji Yahya.

Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai dibina atas tanah berkeluasan lima ekar dan siap sepenuhnya pada 3 Februari 2017 dengan perbelanjaan berjumlah BND3,833,535 yang menggunakan peruntukan Majlis Ugama Islam Brunei melalui Wang Zakat Asnaf Al-Gharimin.

Masjid yang mampu menampung seramai lebih kurang 1,000 jemaah itu mempunyai kemudahan-kemudahan seperti dewan sembahyang utama lelaki, dewan sembahyang perempuan, bilik mesyuarat, bilik kuliah, bilik perpustakaan, bilik pengurusan jenazah dan tempat laluan bagi Orang Berkeperluan Khas (OBK).

Ke muka 4



ANTARA jemaah yang hadir sama menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Tutong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda ketika berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Tutong, sementara gambar bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama Menteri-menteri Kabinet dan pegawai kanan, pegawai serta jemaah yang hadir menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di masjid berkenaan.

Dari muka 3

Pembukaan masjid berkenaan diharap akan dapat memberi keselesaan kepada penduduk Kampung Sengkarai serta jemaah yang menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat di kawasan tersebut.

Masjid itu juga dihasratkan akan digunakan oleh penduduk kampung untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi meningkatkan serta mengembangkan syiar Islam di kampung berkenaan secara khususnya dan di Negara Brunei Darussalam secara amnya.



ANTARA Menteri-Menteri Kabinet, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai kanan, pegawai serta jemaah yang menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai yang dibina atas tanah berkeluasan lima ekar dan siap sepenuhnya pada 3 Februari 2017 dengan perbelanjaan berjumlah BND3,833,535 menggunakan peruntukan Majlis Ugama Islam Brunei melalui Wang Zakat Asnaf Al-Gharimin.



Berkenan menerima mengadap



Oleh :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Chairman Joint Chiefs of Staff Committee, Pakistan Armed Forces, Tuan Yang Terutama Jeneral Mahmood Hayat, N1 (M) (atas kiri), manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), berkenan menerima mengadap Chairman Joint Chiefs of Staff Committee, Pakistan Armed Forces, Tuan Yang Terutama Jeneral Zubair Mahmood Hayat, N1 (M) yang dalam rangka lawatan pengenalan selama tiga hari bermula 6 hingga 8 April 2017.

Menyertai bersama Chairman Joint Chiefs of Staff Committee,

Pakistan Armed Forces pada Majlis Mengadap itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Tariq Rashid Khan; Principal Staff Officer (PSO) kepada Chairman Joint Chief of Staff Committee, Brigedier Muhammad Aqeel dan

Penasihat Pertahanan Pakistan yang diakreditasi ke Negara Brunei Darussalam, Commodore Jawad Ahmed TI (M).

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit;

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Awang Haji Mohammad Amirul Shahnoel bin Haji Mohammad Noeh.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama Chairman Joint Chiefs of Staff Committee, Pakistan Armed Forces, Tuan Yang Terutama Jeneral Zubair Mahmood Hayat, N1 (M).

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri kepada Chairman Joint Chiefs of Staff Committee, Pakistan Armed Forces, Puan Begum Maliha Bhatti (atas), sementara gambar atas kanan, baginda berkenan bergambar ramai bersama Puan Begum Maliha Bhatti.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Puan Abeda Islam (atas), sementara gambar kanan, baginda berkenan bersalaman bersama Puan Abeda Islam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Puan Nguyen Thi Minh Hang (atas), sementara gambar kanan, baginda berkenan bersalaman bersama Puan Nguyen Thi Minh Hang.



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Haji Ibrahim
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri kepada Chairman Joint Chiefs of Staff Committee, Pakistan Armed Forces, Puan Begum Maliha Bhatti.

Menyertai isteri Chairman Joint Chiefs of Staff Committee, Pakistan Armed Forces pada Majlis Mengadap tersebut ialah Puan Saffana Tariq, isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan dan Puan Awatif Jawa, isteri kepada Penasihat Pertahanan Pakistan yang diakreditasi ke Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada Majlis

Mengadap tersebut ialah Pengiran Datin Nuur 'Izzah Nabilah binti Pengiran Haji Ahmad Mahdi Al-Sufri, isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, TYT Air Vice Marshall Mahmud Hussain iaitu Puan Abeda Islam, dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, TYT Do Anh Tuan, Puan Nguyen Thi Minh Hang.

Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



Berangkat sertai sesi bergambar ramai bersama Pasukan Brunei DPMM FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pengerusi Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC berkenan berangkat menyertai sesi bergambar ramai bersama Pasukan Brunei DPMM FC bagi Musim 2017 di Mini Stadium, Jerudong.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah daripada pemain-pemain Pasukan Brunei DPMM FC.

Musim 2017 di Mini Stadium, Jerudong, di sini.

Selesai sesi bergambar ramai, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada pemain dan pegawai Pasukan Brunei DPMM FC dan seterusnya berkenan menyaksikan sesi latihan.

Pasukan Brunei DPMM FC telah memulakan cabarannya dalam Liga Singapura (Liga S) musim ini apabila bermain dalam tiga perlawanan yang terdahulu bermula pada 3 Mac lalu menentang Home United FC di tempat sendiri, diikuti dengan bermain di gelanggang lawan (Singapura) pada 9 Mac bertemu dengan Albirex Niigata FC dan menentang Hougang United FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 2 April lalu.

Pasukan Brunei DPMM FC akan meneruskan cabarannya apabila bertemu dengan Balestier Khalsa FC pada 7 April ini di Stadium Jalan Besar, Singapura dan menentang Warriors FC pada 15 April depan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pada Musim 2017, Pasukan Brunei DPMM FC mempertahankan pemain importnya dari Brazil, iaitu Rafael Ramazotti dan diperkukuhkan lagi dengan kehadiran dua pemain import baharu, iaitu Billy Mehmet dari England dan Zeljko Savic dari Serbia, di samping pemain-pemain tempatan.

Rafael Ramazotti telah dianugerahkan sebagai 'Penjaring Terbanyak' dua tahun berturut-turut pada tahun 2015 dan 2016 dalam Liga S.

Pencapaian yang membanggakan negara ialah apabila Pasukan Brunei DPMM FC berjaya menjulang takhta juara Liga S itu pada tahun 2015 sejak mula menyertainya pada tahun 2009.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

JERUDONG, Rabu, 5 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pengerusi Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC berkenan berangkat menyertai sesi bergambar ramai bersama Pasukan Brunei DPMM FC bagi

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada Pasukan Brunei DPMM FC bagi Musim 2017.



Pasukan Bola Jaring Kebangsaan menang bergaya



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan Pasukan Sekolah Sri Lanka pada siri perlawanan persahabatan yang diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (atas), sementara gambar bawah kanan, antara aksi menarik dalam perlawanan persahabatan tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Jumaat, 7 April. - Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam meneruskan lagi siri perlawanan persahabatan menentang Pasukan Sekolah Sri Lanka di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyertai Pasukan Bola Jaring Kebangsaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada perlawanan persahabatan itu, Pasukan Bola Jaring Kebangsaan berjaya mengalahkan Pasukan Sekolah Sri Lanka dengan jaringan

70 berbalas 21 dalam empat set perlawanan.

Pada suku pertama, Pasukan Bola Jaring Kebangsaan mendahului jaringan dengan 20 berbalas 2, 22 - 3 pada set kedua, diikuti dengan 16 - 10 pada suku ketiga dan 12 - 6 pada set terakhir.

Perlawanan persahabatan di antara kedua-dua pasukan akan diteruskan lagi pada Sabtu, 8 April; Isnin, 10 April dan Selasa, 11 April di gelanggang yang sama.

Perlawanan ini diharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan sebagai salah satu persiapan pasukan negara untuk menghadapi kejohanan-kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.



Pasukan Bola Jaring Kebangsaan berjaya menundukkan Pasukan Sekolah Sri Lanka 78 - 21



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama Pasukan Bola Jaring Kebangsaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BERAKAS, Rabu, 5 April. - Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam meneruskan siri perlawanan persahabatan menentang Pasukan Sekolah Sri Lanka di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat menyertai Pasukan Royal Bees Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada perlawanan persahabatan itu, Pasukan Bola Jaring Kebangsaan berjaya menundukkan Pasukan Sekolah Sri Lanka dengan jaringan 78 berbalas 21 dalam empat

set perlawanan.

Pasukan Bola Jaring Kebangsaan mendahului jaringan pada suku pertama dengan 17 berbalas 04, 22-06 pada set kedua, diikuti suku ketiga dengan 18-05 dan 21-06 pada set terakhir.

Kedua-dua pasukan akan meneruskan lagi perlawanan persahabatan pada hari Jumaat, 7 April; hari Sabtu, 8 April; hari Isnin, 10 April dan hari Selasa, 11 April di gelanggang yang sama.

Perlawanan ini diharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan sebagai salah satu persiapan pasukan negara untuk menghadapi kejohanan-kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.

YTM berangkat tiba di Vancouver



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

KANADA, Rabu, 5 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan kelmarin berangkat tiba di Vancouver bagi meneruskan lawatan ke Asia Pacific Foundation of Canada.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Asia Pacific Foundation of Canada, Tuan Steward Beck.

YTM kemudian berkenan mendengar sembah taklimat

mengenai peranan institusi tersebut sebagai sebuah institusi bukan kerajaan dalam menganalisa dan menggalakan kemajuan ekonomi dan hubungan politik di antara Kanada dan Asia.

Turut mengiringi YTM sepanjang lawatan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Lawatan YTM bertepatan dengan Ulang Tahun ke-150 negara Kanada dan juga Ulang Tahun ke-40 Hubungan Dialog ASEAN - Kanada pada tahun ini.



KEBERANGKATAN Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ke Asia Pacific Foundation of Canada dijunjung oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Asia Pacific Foundation of Canada, Tuan Steward Beck (kiri), sementara gambar atas dan bawah, Yang Teramat Mulia berkenan mendengar sembah taklimat mengenai peranan institusi tersebut.



Balai Bomba Berakas terima lawatan TASKA YSHHB

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BERAKAS, Rabu, 5 April. - Seramai 57 kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) dari KG 2 Purple dan KG 2 Yellow mengadakan lawatan sambil belajar ke Balai Bomba Berakas, di sini.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

Hajah Amal Nasibah, Yang Mulia Pengiran Muhammad Abdul Haadee Mubasheer bin Pengiran Anak Abdul Badee'.

Dalam lawatan tersebut, kanak-kanak TASKA YSHHB diberi peluang untuk meninjau dan melihat pelbagai peralatan-peralatan yang digunakan oleh anggota-anggota bomba semasa bertugas.

Antara objektif lawatan adalah

untuk memberikan pengetahuan asas tentang langkah-langkah pencegahan dari dan keselamatan semasa kebakaran.

Memberikan taklimat ringkas semasa lawatan kanak-kanak TASKA berkenaan ialah ABW956, Dayang Linda binti Pungut, yang antara lain

menerangkan serba sedikit mengenai latar belakang dan fungsi utama penubuhan Unit Bomba Wanita di balai berkenaan.



CUCUNDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah, Yang Mulia Pengiran Muhammad Abdul Haadee Mubasheer bin Pengiran Anak Abdul Badee' menyertai lawatan sambil belajar ke Balai Bomba Berakas.



KANAK-KANAK TASKA YSHHB diberi peluang untuk meninjau, melihat dan memakai pelbagai peralatan-peralatan yang digunakan oleh anggota bomba.

Kejadian kebakaran Masjid RPN Kampung Mentiri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

MENTIRI, Rabu, 5 April. - Pada kira-kira jam 2 pagi satu kejadian kebakaran telah berlaku di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN)

Kampung Mentiri.

Menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) yang menerima panggilan kebakaran pada jam 2.11



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa meninjau keadaan Masjid RPN Kampung Mentiri selepas kejadian kebakaran.

pagi mengerahkan 32 anggota bersama enam buah jentera bomba dari Balai Bomba Mentiri, Muara, Bandar Seri Begawan, Lambak Kanan dan Unit Operasi Wanita yang diketuai oleh SSFR Yudieswandy bin Bakar.

Dalam kejadian tersebut, pihak pasukan anggota bomba telah berjaya mengawal dan memadam kebakaran. Punca kebakaran dan jumlah kerosakan masih dalam siasatan pihak JBP. Walau bagaimanapun, tiada korban jiwa dilaporkan.

Sementara itu, menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU), kebakaran tersebut telah mengakibatkan kerosakan besar dan adalah tidak selamat untuk digunakan.

Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa Masjid RPN Kampung Mentiri akan ditutup sementara penggunaannya. Manakala para penduduk dan jemaah masjid di kawasan Masjid RPN Kampung Mentiri adalah dinasihatkan untuk menggunakan masjid-masjid yang berdekatan sementara kerja-kerja membaik pulih masjid berkenaan diusahakan.

Hadir meninjau tempat kejadian

tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Pengarah Hal Ehwal Masjid dan Pengarah Bomba dan Penyelamat.



KEADAAN Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri selepas dijilat api pada jam 2.11 pagi.

AJK Takmir Masjid terima sijil lantikan

Oleh : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Selangan

TEMBURONG, Rabu, 5 April. - Seramai 20 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Selangan yang baharu bagi penggal 2017 - 2018 menerima sijil lantikan mereka, manakala AJK Takmir Masjid Kampung Selangan bagi Sesi 2015-2016 yang lalu turut menerima sijil penghargaan masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Sijil Lantikan kepada AJK Takmir Masjid Kampung Selangan Daerah Temburong yang berlangsung di Masjid Kampung Selangan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis yang telah menyampaikan sijil-sijil penghargaan dan lantikan baharu kepada AJK masjid berkenaan.

Terdahulu, Imam Masjid Kampung Selangan, Awang Mahdini bin Kamis yang juga Ketua Kawasan 2, Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan bahawa perlantikan bagi AJK Takmir Masjid Kampung Selangan yang baharu ini telah pun dibuat dan dipersetujui semasa Mesyuarat Agung masjid berkenaan yang berlangsung pada 22 Mac 2017 yang lalu dan format lantikan adalah berdasarkan Buku

Garis Pandu Penubuhan dan Pelantikan AJK Takmir Masjid Negara Brunei Darussalam 1427H / 2006M, yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Beliau turut berterima kasih kepada AJK Takmir Masjid bagi sesi yang lalu di atas sumbangan tenaga serta kerjasama padu yang diberikan dalam melaksanakan dan mengukuhkan beberapa program dan aktiviti yang diadakan di masjid tersebut serta

berharap AJK Takmir yang baharu dilantik yang telah diberi mandat dan kepercayaan dalam mengetuai pentakmiran masjid akan dapat berkerjasama dengan lebih mantap dan baik dalam memakmurkan dan menegakkan syiar agama Islam di sekitar masjid berkenaan khususnya dan di Daerah Temburong amnya.

PEMANGKU Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis (kanan) menyampaikan sijil penghargaan dan lantikan baharu kepada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Selangan.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Selangan yang baru dilantik bagi penggal 2017 - 2018.

MoA Majalah Matchday Brunei DPMM FC ditandatangani



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) tersebut. Juga hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud (kiri).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Rabu, 5 April. - Majalah Matchday Brunei DPMM FC terbitan A.K.K Design kini diterbitkan khusus bagi para peminat dan penyokong Pasukan Brunei DPMM FC bagi setiap perlawanan di tempat sendiri, di samping mengetahui perkembangan Liga S 2017.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) di antara A.K.K Design selaku penerbit Majalah Matchday Brunei DPMM FC dengan rakan-rakan dan penyokong Majalah Matchday Brunei DPMM FC, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Mendahului menandatangani MoA ialah dari Baiduri Bank yang diwakili oleh Ketua Perbendaharaan, Awangku Nor Muhammad Nizam bin Pengiran Haji Tengah diikuti dengan Brunei Press Sendirian Berhad yang diwakili oleh Pengurus Am, Reggie See dan seterusnya Cityneon Displays and

Construction Sendirian Berhad diwakili oleh Pengarah Urusannya, Dato Jack Ting.

MoA selepas itu diteruskan dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Karam Chand, manakala Nazmi Textile Mall diwakili oleh Pengurus Nazmi Textile Mall, Mohamed Nazmi Rizhwan bin Nazeer.

Sementara itu, menandatangani MoA dari Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) pula diwakili oleh Ketua Pengurus Kewangan PCSB, Roger Playhay dan Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Pada penandatanganan tersebut, A.K.K Design pula ditandatangani oleh Pegawai Eksekutifnya, Awang Sazali Mohd Ariff dan disaksikan oleh Eksekutif Pemasaran, Awang Abd. Aziz Ibrahim.

15 majikan didapati belum mendaftar ke Skim TAP, SCP

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN.- Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan telah meneruskan siri lawatan ke premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan pada bulan Mac 2017 lalu.

Tujuan utama lawatan ini adalah bagi memastikan majikan telah menjalankan tanggungjawab di dalam pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja-pekerja tempatan ke Skim TAP dan SCP.

Dari sebanyak 85 premis majikan yang telah dilawati, pegawai-pegawai pemeriksa TAP telah mendapati terdapat 15 majikan dan 50 pekerja tempatan masih belum didaftarkan di bawah skim TAP dan SCP.

Manakala, majikan yang telah gagal menunjukkan dokumen-dokumen yang diperlukan semasa lawatan telahpun diarahkan untuk membuat perjumpaan ke pejabat TAP bagi tindakan selanjutnya seperti proses pendaftaran pekerja serta proses pembayaran caruman yang tertunggak, jika ada.

TAP dengan ini ingin mengingatkan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan dan membayar caruman pekerja-pekerja yang layak ke skim TAP dan SCP.

Pekerja yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat adalah wajib didaftarkan dan dicarumkan ke skim TAP dan SCP. Ini termasuklah pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari dan pekerja di dalam tempoh percubaan.

Di bawah bab 26, Akta Amanah Pekerja, jika sabit kesalahan, majikan boleh didenda tidak kurang BND3,000 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih BND10,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Ahli yang ingin membuat sebarang aduan bolehlah menghubungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian +673 2382800 semasa waktu bekerja.

Bagi ahli yang telah berdaftar ke e-Amanah, aduan bolehlah dibuat dengan mendaftar masuk ke akaun ahli melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (duduk, tengah) menyaksikan penandatanganan media partner bersama Radio Televisyen Brunei.

Penetapan Jawatan Pengarah Penjara

Siaran Akhbar :
Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan

bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan

bagi Timbalan Pengarah Penjara di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ismail bin Haji Murat ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Penjara di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mulai hari ini.

Darren anak Mastok johan Peraduan Mari Bercerita



TEMBURONG, Khamis, 6 April. - Peraduan Mari Bercerita merupakan platform berkesan bagi membentuk kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid-murid sekolah, selain untuk mengasah, memupuk dan memperkembangkan bakat serta potensi mereka terutama dalam penguasaan bahasa bagi melahirkan individu yang berketrampilan dan berkeyakinan.

Sehubungan dengan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Perpustakaan telah mengukuhkan Peraduan Mari Bercerita 2017 Peringkat Daerah Temburong yang berlangsung di

PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah Temburong Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili (kiri), selaku wakil peribadi Pegawai Daerah Temburong menyempurnakan penyampaian hadiah kepada juara peraduan, Awang Darren anak Mastok (kanan, depan) dari Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi.

Berita dan Foto :
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

Dewan Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok, di sini.

Seramai 10 orang peserta daripada sejumlah 30 orang yang mengikuti peringkat saringan yang telah diadakan pada bulan Februari yang lalu telah terpilih ke Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah Temburong tahun ini.

Awang Darren anak Mastok dari Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi muncul johan bagi Peraduan Mari Bercerita 2017 Peringkat Daerah Temburong setelah berjaya menumpaskan sembilan peserta lainnya dengan gaya persembahan yang bersahaja dan kepetahannya menyampaikan cerita yang bertajuk 'Labah-Labah Yang Ramping'.

Naib juara disandang oleh Dayang Nur Syaheerah Natasha binti Abdul Muhaiminin dari Sekolah Rendah

Selangan dengan cerita bertajuk 'Si Tanggung Anak Durhaka', manakala tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Airenitha Sarahwahyu binti Solaiman dari Sekolah Rendah Selangan dengan tajuk cerita yang disampaikan 'Padah Si Monyet'.

Juara peraduan membawa pulang wang tunai sebanyak BND500, piala dan sijil penyertaan, manakala naib juara dan tempat ketiga masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak BND400 dan BND300 berserta piala dan sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada peraduan ini, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili, selaku wakil peribadi Pegawai Daerah Temburong yang menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Majlis Bertahlil sempena penubuhan Jabatan Penerangan



TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar (empat, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Paduka Ayahnda dan Bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Almarhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman di Kubah Makam Diraja, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, di sini. Majlis bertahlil ini adalah sebahagian daripada aktiviti yang

telah disusun oleh Jabatan Penerangan sempena Memperingati Penubuhannya yang Ke-65 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji

Mohammad, pegawai-pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri dan para pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Masjid, Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar, Imam Masjid Kampung

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

Belimbing Subok.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam adalah Sultan Brunei Ke-28 yang telah lindung pada Ahad, 3 Muharam 1407 Hijrah bersamaan dengan 7 September 1986 Masihi sementara Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman lindung pada Khamis, 20 Syawal 1399 Hijrah bersamaan dengan 13 September 1979 Masihi.

Jabatan Penerangan yang dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan telah ditubuhkan pada 1 April 1952 dengan misi memelihara dan mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.

Jabatan Penerangan juga berfungsi sebagai platform di antara kerajaan dan rakyat dalam mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja dalam penyaluran maklumat melalui komunikasi bersemuka, media cetak mahupun melalui media baharu.

KSPN 2017 bantu penyelidikan lebih mantap



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak (dua, kiri) ketika berucap pada Sidang Media mengenai Kemas Kini Data Pemohon Skim Perumahan Negara (KSPN) 2017, yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) akan melaksanakan Kemas Kini Data Pemohon Skim Perumahan Negara (KSPN) 2017 bagi senarai pemohon yang berkelayakan bermula 10 April hingga 10 Jun 2017 selama dua bulan.

Objektif utama KSPN 2017 ini adalah untuk mengemaskinikan data pemohon bagi Skim Perumahan Negara atau *data profiling* termasuklah maklumat pendapatan dan pekerjaan dalam masa yang cepat.

Dengan hasil data kemas kini nanti akan membantu menjalankan analisa dan penyelidikan yang lebih mantap bagi mempertingkatkan tahap perancangan dan polisi yang sedia ada.

Perkara ini dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr.

Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dalam Ucapan Pembukaannya pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Ini adalah untuk mengadaptasi pada keadaan ekonomi dan sosial serta akan datang. Apa yang lebih penting adalah untuk mencapai keseimbangan dalam memenuhi kriteria kemampuan dan kedayatahan, perkembangan infra perumahan bagi mencapai Wawasan Negara 2035 dalam mencapai kualiti hidup yang tinggi.

KSPN 2017 ini melibatkan kumpulan sasaran, iaitu pemohon Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dari tahun 2009 hingga 2015 seluruh negara.

Menurut maklumat dari Jabatan Kemajuan Perumahan jumlah pemohon yang terlibat telah melebihi 26 ribu orang. Terdapat tujuh buah

lokasi disediakan bagi pelaksanaan KSPN 2017, iaitu Dewan Muwafaqah, Tingkat 1, Ibu Pejabat JKP, Lapangan Terbang Lama Berakas; Lobi Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas; Lobi Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama Berakas; Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Air, Jalan Tasek Lama (kaunter pembayaran air); Cawangan-Cawangan JKP di Daerah Belait, Tutong, dan Temburong.

Kaunter-kaunter akan disediakan di tujuh lokasi setiap hari kecuali Jumaat, Ahad dan kelepasan awam mulai 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Dalam pada itu, KSPN 2017 akan dilaksanakan dalam dua kaedah, iaitu secara manual dan elektronik (e-mel). Pemohon yang menggunakan manual boleh menyemak, mengambil dan menghantar borang KSPN 2017 pada tujuh lokasi yang di sediakan.

Manakala bagi pemohon menggunakan elektronik pula boleh menyemak, memuat turun dari laman sesawang rasmi JKP, iaitu www.housing.gov.bn dan seterusnya



KSPN 2017
KEMASKINI DATA PEMOHON SKIM PERUMAHAN NEGARA



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

OBJEKTIF KSPN

- MENGEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON SKIM PERUMAHAN NEGARA TERMASUKLAH MAKLUMAT PENDAPATAN & PEKERJAAN
- MEMBERIKAN TANDA ARAS BARU BAGI KEGUNAAN PENILAIAN, PERANCANGAN & PEMBENTUKAN DASAR OLEH PIHAK KERAJAAN, DAN PELBAGAI TUJUAN PENGANALISAAN & PENYELIDIKAN PADA MASA AKAN DATANG

KUMPULAN SASARAN KSPN

PEMOHON RPN / STKRJ BAGI TAHUN 2009-2015 SELURUH NEGARA

TEMPOH PERLAKSANAAN KSPN

10 APRIL 2017 sehingga 10 JUN 2017

KAUNTER

DIBUKAKAN 8.00 PAGI - 4.30 PETANG (SETIAP HARI KECUALI HARI JUMAAT, AHAD & KELEPASAN AWAM)

PROSES PERLAKSANAAN KSPN

- SEMAK NAMA**
 - PADA 7 LOKASI YANG DISEDIAKAN, atau
 - LAMAN SESAWANG www.housing.gov.bn
- DAPATKAN BORANG**
 - PADA 7 LOKASI YANG DISEDIAKAN, atau
 - MUAT TURUN BORANG DARI LAMAN SESAWANG www.housing.gov.bn
- ISI BORANG**

PEMOHON HENDAKLAH MELENGKAPKAN BORANG KSPN DENGAN MAKLUMAT YANG BENAR DAN TEPAT
- HANTAR BORANG**
 - PADA 7 LOKASI YANG DISEDIAKAN, atau
 - IMBAS BORANG DAN EMEL KE kspn@hdd.gov.bn

7 LOKASI KSPN

- DEWAN MUWAFQAH, TINGKAT 1, IBU PEJABAT JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS
- LOBI TINGKAT 1, BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS
- IBU PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS
- IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN AIR, JALAN TASEK LAMA, (KAUNTER PEMBAYARAN AIR)
- JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, CAWANGAN BELAIT, Simpang 36/3-29, Jalan Pandan 7, Kuala Belait
- JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, CAWANGAN TUTONG, Simpang 13, Jalan Bukit Buechahai, IPN Bukit Beruang, Tutong
- JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, CAWANGAN TEMBURONG, Simpang 661, 150, IPN Katin, Temburong

Maklumat lanjut mengenai KSPN 2017: 2382145 ext 7013 / 7014 www.housing.gov.bn kspn.gov.bn

melengkapkan borang berkenaan dan menghantarnya melalui e-mel ke alamat kspn@hdd.gov.bn.

Pemohon yang gagal menghantar

borang KSPN 2017 dalam tempoh yang ditetapkan akan menjejaskan proses permohonan skim perumahan negara mereka.

Tempahan Awal tidak terjejas



SETIAUSAHA Tetap Pendidikan Teras, Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh (kiri); Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Mutalib bin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof (tengah) dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof (kanan) semasa sidang media bersama yang diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat, Mentiri.

MUKIM MENTIRI, Jumaat, 7 April.- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara berterusan akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini akan diberikan perhatian dari kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkaitan.

Ke arah itu, berikutan dari kejadian kebakaran yang berlaku di

Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri, satu sidang media bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat, Mentiri, di sini.

Hadir pada sidang media tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji

Mohd. Yusof; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; Setiausaha Tetap Pendidikan Teras, Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Ali.

Semasa sidang media tersebut dijelaskan bahawa akibat dari kejadian kebakaran yang berlaku pada 5 April yang lalu ke atas Masjid RPN Kampung Mentiri yang mengakibatkan masjid tersebut tidak selamat untuk digunakan dan telah ditutup sementara.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

Berikutan dari kejadian tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU telah mengambil inisiatif untuk menggunakan Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri untuk kemudahan bagi membantu memenuhi keperluan jemaah di kawasan tersebut mengerjakan sembahyang fardu berjemaah, terutamanya Sembahyang Fardu Maghrib, Isyak dan Sembahyang Fardu Jumaat.

Turut dijelaskan semasa sidang media tersebut Dewan Kemasyarakatan yang terletak berhampiran dengan tapak masjid tersebut mampu menampung sehingga 800 orang Jemaah pada satu-satu masa dan turut didirikan di sekitar kawasan Pusat Kemasyarakatan tersebut beberapa khemah bagi menampung tambahan Jemaah sehingga 1,400 orang jemaah keseluruhannya.

"Dewan Kemasyarakatan ini juga akan digunakan untuk sebarang kegiatan seperti kelas bacaan Al-Quran dan Muqaddam, Sembahyang Sunat Terawih dan Sembahyang Sunat Hari Raya," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri lagi.

Beliau seterusnya menambah berkaitan dengan tarikh-tarikh yang telah pun ditengah awal oleh orang ramai bagi kegunaan majlis-majlis persendirian khususnya majlis

perkahwinan dan bagi menjaga kesejahteraan juga kebajikan serta kelancaran majlis yang telah dirancang oleh pihak pengguna, inisiatif yang dibuat ini tidak akan mengganggu rancangan-rancangan yang telah dirancang awal khususnya bagi penyewaan dewan tersebut bagi kegunaan majlis-majlis perkahwinan.

Ke arah ini jelas beliau lagi, Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum akan kepentingan acara-acara tersebut dan mana-mana tempahan yang telah dibuat dan dibenarkan tidak akan terjejas.

Sehubungan itu, beliau sukacita memaklumkan pada tarikh-tarikh dewan tersebut digunakan oleh orang awam yang mempunyai tempahan awal, orang ramai dan para jemaah boleh menggunakan kemudahan balai-balai ibadat yang berdekatan seperti Surau Balai Bomba dan Penyelamat RPN Mentiri, Masjid Kampung Mentiri, Masjid Kampung Sungai Besar dan Masjid Kampung Sungai Buluh.

Tambah beliau lagi, KHEDN melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah membukakan inisiatif bagi memberikan kebenaran untuk menggunakan Dewan Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja Mentiri, Kampung Mentiri, digunakan sebagai satu tempat alternatif untuk acara-acara keramaian khususnya acara-acara Majlis Perkahwinan jika sekiranya diperlukan.

HALUAN

Belia berpotensi membentuk sosioekonomi, pembangunan negara

Dari muka 2

Saya gembira kerana bengkel ini akan mengajar para peserta mengenai cara untuk menghidupkan cabaran menjadi peluang yang amat besar, di mana mereka akan berada selaras dengan keperluan dan cabaran di dunia; memberi kuasa dalam pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pakar-pakar, dan menawarkan penyelesaian baharu dalam bentuk inisiatif dan mungkin usaha perniagaan produktif yang juga akan menyelamatkan dan melindungi alam sekitar.

Saya percaya, ini adalah satu langkah yang betul. Yang akan menyediakan penyelesaian bagi mencapai pertumbuhan yang lebih mampan dan pembangunan dalam jangka panjang dan memastikan generasi masa depan kedua-duanya boleh menikmati hasil pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup yang tinggi.

Dalam masa yang sama, aktiviti-aktiviti berkenaan dengan menyimpan dan melindungi alam sekitar atau sebab-sebab yang sama, sering melambatkan semangat sukarelawan dan dermawan, pemurah, kerana benar-benar prihatin dan perkongsian masyarakat.

Budaya sukarelawan adalah budaya yang menerajui Negara Brunei Darussalam pada peringkat nasional dan serantau.

Pada peringkat kebangsaan, Negara Brunei Darussalam menyokong dan memerhati Hari Sukarelawan Bangsa-Bangsa Bersatu Antarabangsa setiap tahun. 'The Day of Action', atau singkatannya DOA, menyediakan peluang kepada semua pihak di seluruh negara untuk menjalankan aktiviti dan khidmat masyarakat sukarela termasuk derma dan kempen kebersihan di tempat awam. Aktiviti sepanjang hari ini menerima sambutan dan sokongan yang amat menggalakkan.

Dalam ASEAN, kami juga menyokong sukarelawan untuk sokongan pertukaran pengalaman pembelajaran, membangunkan keupayaan, meningkatkan kefahaman silang budaya dan menjalin rasa identiti serantau sambil membuat perbezaan mampan kepada masyarakat di seluruh ASEAN.

Sukarelawan dari Brunei Society for Community Outreach and Training (SCOT) menjalin kerjasama dengan Organisation for Building Community Resources Cambodia untuk mengukuhkan hubungan masyarakat ASEAN dengan membantu dalam projek infrastruktur yang menyediakan kemudahan asas di Kemboja dan membina kecekapan Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak Kemboja.

Sebagai kesimpulannya, saya menyeru kepada semua para peserta untuk mengambil kesempatan daripada bengkel ini dan membuat tindakan terhadap apa yang telah anda pelajari. Untuk mengekalkan rangkaian yang telah ditubuhkan di sini dalam semangat persahabatan untuk daya usaha masa depan di negara-negara masing-masing.

Besarnya harapan kami untuk melihat lebih ramai belia untuk tampil ke hadapan membuat langkah berani dan membina inovasi diri mereka untuk mengambil projek yang mencabar dalam kreativiti dan perniagaan hijau serta projek-projek mampan yang memberi impak yang tinggi dan potensi eksport.

Akhir sekali, ingatlah, apa yang kita lakukan sekarang, juga akan memberi inspirasi kepada orang-orang di belakang anda untuk melihat di luar diri mereka sendiri dan melihat peranan mereka yang lebih besar dalam menyumbang terhadap negara mereka pembangunan dan kemakmuran serantau.

Empat warga diusir kerana menyokong keganasan

Dari muka 1

Hasil siasatan JKDN, mendedahkan dua daripada suspek tersebut memiliki bahan-bahan propaganda yang berkaitan dengan Kumpulan IS dan kesemua suspek mengakui memuat turun video-video IS yang boleh diperolehi secara online di internet dan seterusnya dikongsi bersama dengan individu-individu lainnya.

Maklumat lain yang diperolehi melalui sumber risikan turut mendedahkan bahawa salah seorang suspek yang ditahan, Teuku Muhammad Zein berhubung secara langsung dengan individu yang disyaki sebagai anggota IS di luar negara.

JKDN telah pun mengongsikan hasil siasatan ini dengan rakan kerja di Indonesia sebelum keempat-empat suspek diusir dari negara ini.

Sehubungan ini, perkembangan yang tidak diingini mengenai wujudnya elemen-elemen ekstremisme dan penganasan dalam negara ini perlu sentiasa berhati-hati, di mana negara tidak terkecuali daripada ancaman-ancaman tanpa sempadan.

Pihak kerajaan juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa sebarang perbuatan berkaitan ekstremisme dan penganasan akan memudaratkan keselamatan Negara Brunei Darussalam dan merupakan kesalahan berat di bawah Perintah Anti Keganasan.

JKDN berserta agensi-agensi perisikan dan penguatkuasaan di negara ini akan mengambil langkah-langkah pencegahan yang tegas ke atas mana-mana individu atau kumpulan yang didapati menyokong, mempromosi atau menyebarkan apa jua ideologi atau propaganda militan termasuk sebarang perbuatan menyalurkan atau mengumpul dana



TEUKU Muhammad Zein Teuku Sofyan, 31 tahun.



ANDRI Rahayu Sukiman, 33 tahun.



MURTADHO Bakri, 46 tahun.



FIRDAUS Muhammad Ali, 37 tahun.

untuk kegunaan individu atau kumpulan yang mempunyai kaitan dengan penganasan.

Dalam hal ini, orang ramai digesa untuk sentiasa berhati-hati dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan yang dilakukan oleh

individu sama ada secara perseorangan mahupun berkumpulan yang menjurus pada kegiatan penganasan diminta untuk menghubungi JKDN melalui talian Hotline 133 atau e-mel isd133@kdn.gov.bn.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 14/17 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 08 APRIL 2017

TARIKH TUTUP: 29 APRIL 2017

**1. PENOLONG KANAN PEGAWAI PELAJARAN
G.11
BAHAGIAN II
JABATAN PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
KEKOSONGAN= 01**

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 15/17 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian/ Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN: 08 APRIL 2017

TARIKH TUTUP: 29 APRIL 2017

**1. ATENDAN KANAN LAPANGAN TERBANG
E.3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
KEKOSONGAN= 01**

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN JABATAN PERDANA MENTERI

**TAJUK SEBUT HARGA :
DESIGN AND REFURBISHMENT
OF JOBCENTRE BRUNEI (JCB)
(RETENDER)**

**BILANGAN TAWARAN :
EID / SEBUTHARGA / 2017 - 2018 / 1**

tawaran. Wang cagaran tidak akan dikembalikan).

**Tarikh Tutup Tawaran :
25 Rejab 1438**

22 April 2017 (Sabtu)

Jam : Tidak lewat jam 2.00 Petang

SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** yang telah disediakan di **Jabatan Tenaga, Basement 2, Bangunan Jabatan Perdana Menteri**. Tidak lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan di bawah ini. **Bilangan sebut harga dan tajuk sebut harga hendaklah dinyatakan di hujung sebelah kiri sampul surat berkenaan.**

Cagaran : **BND5.00 (untuk satu dokumen**

Syarat-Syarat Tawaran :

Sebut harga hanya dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan mempunyai sijil yang sah untuk digunakan.

Untuk makluman penerangan dan lawatan ke tempat projek akan diadakan pada **17 April 2017 (Isnin), jam 10.00 Pagi bertempat di Bangunan Pusat Perkerjaan Brunei, Beribi**. Penender-penender yang gagal hadir semasa sesi penerangan pada hari berkenaan adalah dikira menarik diri di dalam sebut harga berkenaan.

Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh di **Unit Kewangan, Jabatan Tenaga, Basement 2, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Jabatan Perdana Menteri**. Pembayaran dibukakan dari **jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang (Isnin hingga Khamis)** dan **8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi (Sabtu)**.



POLITEKNIK BRUNEI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

POLITEKNIK BRUNEI

**BLOK 2E, KONDOMINIUM ONG SUM PING, JALAN ONG SUM PING
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN

BILANGAN TAWARAN : PB/ESTATE/Q/2017-2018/01

KETERANGAN :

**SEBUT HARGA BAS SEWA KHAS (OUTSOURCE)
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN UNTUK PERKHIDMATAN ULANG-ALIK
PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH SAINS DAN KEJURUTERAAN
DARI KAMPUS ONG SUM PING KE KAMPUS LUMUT
BAGI POLITEKNIK BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
BAGI TAHUN 2017**

BAYARAN / YURAN DOKUMEN TAWARAN : -

TARIKH TUTUP DAN WAKTU : 11 April 2017 (Sebelum jam 2.00 Petang)

SYARAT-SYARAT iklan tawaran dan borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Tingkat 12, Unit 4, Jabatan Perkhidmatan Kewangan, Politeknik Brunei, Blok 2E, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN, POLITEKNIK BRUNEI, BANGUNAN POLITEKNIK BRUNEI, BLOK 2E, LOBI, KONDOMINIUM ONG SUM PING, BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG

KELAS III DAN KATEGORI B01

Bilangan Tawaran : KHEU / BDP / LTK / 001 / 2017

**MENAIKTARAF DAN MEMBAIKPULIH
BANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH,
KAMPUNG LORONG DALAM, KAWASAN BRUNEI III**

YURAN DOKUMEN : BND50.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran :

18 April 2017 (3.00 Petang)

Tarikh tutup :

25 April 2017 (2.00 Petang)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada tiap-tiap SELASA** seperti tarikh yang telah ditetapkan.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam**. Jumlah yuran adalah seperti berikut.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TAJUK TAWARAN :
UNISSA / SB0001 / 2017 / 2018
**TO SUPPLY AND DELIVERY TONER AND INK CARTRIDGE
FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

DOKUMEN tawaran boleh diperoleh :

**BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1
BANGUNAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
SIMPANG 347, JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Pada waktu-waktu seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

Yuran tawaran adalah **BND10.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **11 April 2017, Selasa, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**IKLAN TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN SEKOLAH UGAMA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

**DAERAH BRUNEI DAN MUARA
RUJUKAN TAWARAN
BIL. 1 KHEU / JPI / BBP3 / K / 50 / 14
SEKOLAH UGAMA ARAB
SEKOLAH UGAMA KUPANG, DAERAH TUTONG**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :**

BORANG tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang ditujukan ke :

Tarikh tutup mengambil borang : **21 Rejab 1438H / 18 April 2017M (Selasa)**

Dan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang ditujukan ke :

**PETI SEBUT HARGA
BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tarikh akhir menghantar : 22 Rejab 1438H / 19 April 2017M (Rabu)

Tidak lewat jam 2.00 Petang

Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi**

Borang-borang tawaran sebut harga boleh diperoleh di **Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Blok 2I, Tingkat 4, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311, Negara Brunei Darussalam.**



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAJUK :
**TAWARAN PENYEWAAN BANGUNAN CAFE 1
DERMAGA DIRAJA BANDAR SERI BEGAWAN**

BILANGAN TAWARAN :
JBBSB / LTK / 2017 / 05 / UPA

TARIKH TUTUP TAWARAN :
**Selasa, 25 April 2017
Jam 2.00 Petang.**

BAYARAN menyertai tawaran ini ialah **BND100.00** bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar di :

**Kaunter Bahagian Kewangan
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BA1512
Negara Brunei Darussalam.**

Syarat-syarat dan dokumen sebut harga boleh didapati dari **Unit Pengurusan Aset, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan** semasa waktu pejabat dibuka.

Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang terdapat di **Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bandar Seri Begawan.**



JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

**Membekalkan Setem Edisi Khas Sempena Sambutan Jubli Emas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta**

Rujukan Tawaran : POS / T / 03 / JPP / 2016 - 2017

Syarat-Syarat Tawaran :

BAYARAN dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **BND50.00 (tidak dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam mata wang ringgit Brunei.

Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati di :

**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

**Membekalkan Setem Edisi Khas Sempena Sambutan Jubli Emas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta
Rujukan Tawaran : POS / T / 03 / JPP / 2016 - 2017**

Dialamatkan ke :

**PETI LEMBAGA TAWARAN KECIL
Tingkat Bawah, Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh tutup tawaran ialah pada **Selasa, 2 Mei 2017, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

Hari Informasi akan diadakan pada **Sabtu, 15 April 2017, jam 9.00 Pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Besar Pos, Tingkat Bawah, Bandar Seri Begawan, BS8611.**

Brunei - Pakistan tingkat kerjasama ketenteraan



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) semasa menerima kunjungan hormat Chairman Joint Chief of Staff Committee of Pakistan Armed Forces, Tuan Yang Terutama Jeneral Zubair Mahmood Hayat, NI (M) (kanan) berlangsung di Kementerian Pertahanan Bolkih Garison (atas), sementara gambar kanan, sejurus tiba di Kementerian Pertahanan di Bolkih Garison, TYT Jeneral Zubair Mahmood Hayat telah diberikan Kawalan Kehormatan terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Oleh : Khartini Hamir, Mahirah Haji Mohd. Raduan
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BERAKAS, Khamis, 6 April. - Hubungan kerjasama bidang ketenteraan di antara Negara Brunei Darussalam dan Pakistan terus dipertingkatkan dengan kunjungan lawatan pegawai-pegawai tertinggi dari kedua-dua buah negara.

Sehubungan itu, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah hari ini menerima kunjungan hormat daripada Chairman Joint Chief of Staff Committee of Pakistan Armed Forces, Tuan Yang Terutama Jeneral Zubair Mahmood Hayat, NI (M).

Sejurus tiba di Kementerian Pertahanan di Bolkih Garison, TYT Jeneral Zubair Mahmood Hayat telah diberikan Kawalan Kehormatan terdiri dari anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), dan beliau kemudiannya mengadakan kunjungan hormat pengenalan kepada Pemerintah ABDB.

TYT diiringi oleh Brigedier Muhammad Aqeel, Principal Staff Officer (PSO) kepada CICSC dan Commodore Jawad Ahmed, Penasihat Pertahanan Pakistan yang diakreditasi ke Negara Brunei Darussalam.

Semasa kunjungan hormat itu juga turut membincangkan mengenai

tumpuan kepada mewujudkan peluang baharu serta memanfaatkan peluang yang sedia ada, bagi meneroka bidang kerjasama ketenteraan di antara ABDB dan Pakistan Armed Forces.

Kedua-dua pihak juga mengesahkan komitmen ke arah mengekalkan hubungan mesra dan menggunakan pelbagai platform serta ruang kerjasama di antara kedua-dua angkatan tentera.

TYT Jeneral Zubair Mahmood Hayat berada di negara ini bersama isteri bagi lawatan pengenalan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 8 April nanti.

Hadir sama semasa kunjungan hormat tersebut ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama, Ketua Turus ABDB dan Pengarah Perisik.



Susulan kebakaran Masjid RPN Kampung Mentiri : Dewan Kemasyarakatan digunakan bagi tujuan amal ibadat

Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PENGARAH Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa ditemu bual.

MENTIRI, Khamis, 6 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menzahirkan rasa dukacita atas kejadian kebakaran yang berlaku di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri pada 5 April 2017.

Kebakaran tersebut mengakibatkan kerosakan besar ke atas masjid berkenaan sehingga ia tidak selamat

lagi untuk digunakan dan ditutup sementara.

Bagi membantu memenuhi keperluan jemaah masjid di kawasan RPN Kampung Mentiri dan sekitarnya, KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid memaklumkan bahawa Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri akan digunakan untuk mengadakan

sembahyang fardu lima waktu secara berjemaah dan Sembahyang Fardu Jumaat.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri, di sini.

Jelasnya, dewan tersebut juga akan digunakan untuk sebarang kegiatan seperti Kelas Membaca Al-Quran dan Muqaddam, Sembahyang Sunat Tarawih serta Sembahyang Sunat Hari Raya.

Beliau menambah, Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri dapat menampung seramai 500 jemaah yang mana beberapa kem telah didirikan di kawasan dewan tersebut bagi menampung tambahan jemaah sehingga mencecah 1,000 jemaah keseluruhannya.

Dengan ini dimaklumkan juga kepada guru-guru, tenaga pengajar dan murid-murid bahawa Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid tersebut juga akan diadakan pada Jumaat, 7 April 2017.

Kelas-kelas Al-Quran dan Muqaddam akan diadakan semula pada hari Jumaat, 14 April 2017 di Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri.

Katanya, usaha itu akan dapat

memberi kemudahan kepada jemaah masjid dan penduduk RPN Kampung Mentiri dan kawasan sekitarnya selain beliau turut menasihatkan mereka untuk menggunakan masjid-masjid yang lain yang berdekatan sementara kerja-kerja membaik pulih masjid tersebut diusahakan.

Dalam pada itu, KHEU juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Air, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Kerja Raya, Ketua Kampung, Majlis Perundingan Kampung dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Kampung Mentiri, penduduk RPN Mentiri serta semua pihak yang terlibat dalam menangani kejadian kebakaran tersebut.

Semasa ditemu bual, Awang Haji Abdul Rajid menjelaskan, langkah-langkah telah diambil bagi para jemaah untuk meneruskan amal ibadat mereka dengan memilih Dewan RPN Kampung Mentiri dan ia diharap memberi keselesaan kepada para jemaah.

Sementara itu, beliau juga mengingatkan orang ramai yang telah menempah untuk mengadakan Majlis Akad Nikah di masjid tersebut supaya akan mencari di masjid-masjid yang lain.



PENGARAH Hal Ehwal Masjid semasa Sidang Media yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri.

Tingkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan kesihatan mental

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tahun ini telah meningkatkan akan kepentingan promosi kesihatan mental yang baik bersempena Hari Kesihatan Sedunia dengan tema 'Kemurungan - Mari Berbicara'.

Dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menyatakan gangguan mental seperti kemurungan dan keresahan menjejaskan hampir 10 peratus penduduk dunia. Di antara tahun 2005 dan 2015, jumlah orang yang mengalami kemurungan dan keresahan meningkat lebih daripada 18 peratus.

Kemurungan juga punca terbesar ketidakupayaan di seluruh dunia. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa masyarakat kita memahami kepentingan kesihatan mental yang baik dan mampu untuk mengambil langkah yang perlu bagi mencegah dan merawat masalah kesihatan mental.

Pada 2016, konsultasi psikiatrik pesakit luar dalam kalangan dewasa di negara ini merekodkan hampir 9,000 konsultasi termasuk 346 yang baru dirujuk. Sementara konsultasi psikiatrik dalam kalangan kanak-kanak dan remaja pula mencatatkan hampir 600 konsultasi dengan 40 kes baharu. Ini menunjukkan masalah-masalah kesihatan mental menjejaskan warga merentasi sepanjang hayat dari

kanak-kanak ke usia tua.

Kemurungan menyebabkan penderitaan mental dan boleh memberi impak pada kemampuan dalam menjalankan tugas harian dan ia lebih dari 'rasa sedih'. Ia merupakan penyakit yang dikategorikan kesedihan yang berterusan dan hilang minat dalam menjalankan aktiviti seperti orang normal serta tidak berupaya untuk menjalankan aktiviti harian sekurang-kurangnya dua minggu.

Mereka yang dilanda kemurungan mungkin mengalami gejala seperti hilang tenaga, berubah selera makan, tidur berlebihan atau sebaliknya, resah, kurang konsentrasi, tidak mampu membuat keputusan, gelisah, rasa bersalah atau putus asa, selalu berfikir mencederakan diri atau membunuh diri.

Penyakit itu berikutan akibat dari isu peribadi seperti masalah kewangan, pengangguran, kehilangan orang tersayang, putus hubungan, kurang sokongan dalam perhubungan, buli, tekanan rakan sebaya, terasing, kemiskinan, penyakit fizikal, penyalahgunaan dadah dan penderaan fizikal dan seksual.

Kemurungan yang tidak dirawat juga boleh menghalang orang dari bekerja dan bersama keluarga serta kehidupan masyarakat dan itu akan menghadkan sumbangan mereka pada produktiviti dalam organisasi juga negara.

Kemurungan boleh dicegah dan dirawat secara berkesan sama ada melalui psikoterapi (terapi bercakap) atau ubat *anti-depressant* atau keduanya sekali. Mengatasi stigma sosial dan takut mendedahkan masalah kesihatan mental adalah penting untuk membolehkan orang untuk mendapatkan bantuan dan rawatan yang sesuai.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menerusi Perkhidmatan Psikiatri merupakan pembekal utama perkhidmatan kesihatan mental di negara ini. Perkhidmatan dalam masyarakat juga disediakan di pusat-pusat klinik, pemulihan, kunjungan kepada pesakit yang memerlukan rawatan di rumah.

Tidak ada kesihatan tanpa kesihatan mental! Jika awda rasa ada kemurungan, bincang dengan seseorang yang awda percayai. Bercakap dengan rakan-rakan dan mereka yang dipercayai dengan kerap bagi memastikan awda mengekalkan rangkaian sokongan sosial yang sihat.

Jaga kesihatan mental awda dengan mendapatkan rehat yang cukup, makan makanan yang sihat, kerap bersenam, dan elakkan tabiat buruk seperti penyalahgunaan dadah. Tumpukan perhatian pada kesejahteraan mental awda. Perlu diingat bahawa kesihatan yang baik bukan sahaja mengekalkan kecerdasan secara fizikal.

Pada tahun ini, selaras dengan strategik utama Kementerian Kesihatan dalam memupuk kesihatan semua dalam pada masa yang sama mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit, Kementerian Kesihatan berhasrat bersama masyarakat untuk menjauhkan ketakutan dan stigma penyakit mental, tingkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan kesihatan mental, dan menyokong orang lain yang mungkin mempunyai kemurungan.



Kemurungan: Mari berbicara



Sempena Hari Kesihatan Sedunia 7 April 2017

Kemurungan adalah penyakit yang mempunyai ciri-ciri kesedihan berterusan dan kehilangan minat dalam aktiviti-aktiviti yang biasanya dinikmati, serta ketidakupayaan menjalani aktiviti harian, untuk sekurang-kurangnya dua minggu



Di seluruh dunia:

Jumlah orang yang mengalami kemurungan dan / atau keresahan telah meningkat lebih 18%



Hampir 10% terjejas oleh salah satu atau kedua-dua keadaan di atas

penyebab terbesar bagi kekurangan keyakinan

Di Negara Brunei Darussalam (2016):

Hampir 9000

konsultasi psikiatrik pesakit luar di kalangan dewasa direkodkan, dengan 346 rujukan baru



Hampir 600

konsultasi psikiatrik di kalangan kanak-kanak dan remaja direkodkan, dengan 40 kes baru

Simptom

Penyebab

Rawatan

<p>Kehilangan tenaga Perubahan dalam selera makan Lebih atau kurang tidur Korsetahan Kurang lampuan Tidak dapat membuat keputusan Kegelisahan Merasa tidak berguna Rasa bersalah atau berputus asa Berfikir untuk mencederakan atau membunuh diri</p>	<p>Masalah kewangan Tiada pekerjaan Kematian orang yang tersayang Putus hubungan Penyakit fizikal Penyalahgunaan dadah Kekurangan rangkaian sokongan Dipinggirkan masyarakat Keadaan rumah yang serba kekurangan Penderaan fizikal atau seksual</p>	<p>Terapi bercakap atau ubat antidepresan atau gabungan keduanya</p>
--	--	--



- Jaga kesihatan mental awda
- Dapatkan rehat yang mencukupi
 - Makan secara sihat
 - Kerap bersenam
 - Elak tabiat-tabiat yang berisiko
 - Kekalkan rangkaian sokongan sosial yang sihat
 - Beri perhatian pada kesejahteraan mental awda

www.moh.gov.bn

123

Tanamkan kesedaran kepentingan menabung

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Seramai 100 penuntut sekolah-sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara hadir pada Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017 berlangsung di Sekolah Menengah Katok, Gadong.

Jerayawara kali kedua itu merupakan anjuran Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Pekerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan.

Hadir pada jerayawara tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'.

Turut hadir pada jerayawara tersebut ialah pegawai-pegawai kanan AMBD serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Dengan tema 'Generasi Celik Kewangan', jerayawara itu diharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk menabung, pandai berdikari dari segi kewangan (*financial independence*) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan.

Ini adalah selaras dengan usaha AMBD untuk membangunkan generasi yang celik kewangan dan juga matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.

Para penuntut berkesempatan ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan matawang yang dikendalikan oleh AMBD, TAP, Junior Achievement, Baiduri Bank, Bank Islam Brunei Darussalam dan State Street.

Ini merupakan jerayawara kedua daripada siri jerayawara-jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017. Jerayawara pertama telah diadakan pada Selasa, 4 April 2017 yang lalu, di Sekolah Menengah Chung Hwa dan akan seterusnya diadakan di Daerah Belait pada 10 April 2017, di Daerah Tutong pada Khamis, 13 April 2017 dan di Daerah Temburong pada 18 April 2017.

Di samping itu, acara-acara lain yang akan diadakan bersempena Hari Menabung Kebangsaan 2017 adalah Financial Fun Fair di Jerudong Park Colonnade pada Ahad, 30 April 2017 dari jam 2.00 petang hingga 10.00 malam.

Acara itu nanti akan menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif yang bertemakan 'Pengurusan Kewangan Secara Berhemat' dan Financial Showcase pada hari Sabtu, 20 Mei ini nanti bermula pada jam 2.00 petang hingga 8.00 malam bertempat di Airport Mall.

Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2017, orang ramai boleh melayari laman sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn/nsd2017; atau memuat turun AMBD Apps dari 'App Store' atau 'Google Playstore'; atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti_monetari.

Semai semangat patriotisme penuntut

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

MENTIRI, Rabu, 5 April. - Dalam usaha menyemai semangat patriotisme para penuntut, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan siri Program Taklimat Kenegaraan, 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' hari ini.

Lebih 250 warga Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri menghadiri Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di sekolah tersebut.

Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai Bendera Negara Brunei Darussalam yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya serta dipasang di tempat yang sesuai.

Selain itu, beliau menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara menaik-kibar bendera negara, sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' selain menghuraikan definisi, peranan dan sejarah bendera serta lagu kebangsaan negara.

Menurutnya, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik-kibar dan kemudian menurunkan bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti Pelita Brunei dan Radio dan Televisyen Brunei.

Selain mengetahui sejarah bendera

dan menyertai sesi Kuiz Kenegaraan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada Pengetua sekolah itu, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan.

Taklimat tersebut dihasrat dapat mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara, di samping menggalakkan mereka menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



SEBAHAGIAN daripada para pelajar Tahun 7 dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri yang hadir pada Program Taklimat Kenegaraan, 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'.

Lampu isyarat persimpangan Lebuh raya Telisai mula beroperasi

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama sekali kepada pengunjung dan penduduk yang tinggal di sekitar kawasan Lebuh raya Telisai - Lumut / Jalan Tutong - Belait, mengenai pembukaan lampu isyarat di persimpangan tersebut.

Menurut Siaran Akhbar JKR, lampu Isyarat di persimpangan tersebut akan mula beroperasi pada Sabtu, 8 April 2017, jam 10.00 pagi.

Pemasangan lampu isyarat di persimpangan berkenaan adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di jalan raya serta pengawalan peredaran lalu lintas yang lebih efisien di kawasan tersebut.

Sehubungan itu, jabatan tersebut mengingatkan semua pengguna jalan raya yang terlibat untuk memandu dengan lebih berhati-hati dan mematuhi tanda-tanda lalu lintas demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Di samping itu juga, dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya yang lain demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / livechat +673 8333123, Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel : pro@pwd.gov.bn.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) semasa menerima kunjungan hormat daripada Assistant Chief of the General Staff, Angkatan Tentera Singapura, Kolonel Andrew Lim Heng Tiew.

Tingkatkan hubungan ketenteraan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BOLKIAH GARISON, Selasa, 4 April. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah telah menerima kunjungan hormat daripada Assistant Chief of the General Staff, Angkatan Tentera Singapura, Kolonel Andrew Lim Heng Tiew.

Pemerintah ABDB telah mengalu-alukan kedatangan Kolonel Andrew Lim bersama delegasi beliau ke Negara Brunei Darussalam dan menyampaikan terima kasih di atas

sokongan yang berterusan daripada pihak Singapura dalam menghadiri acara-acara ketenteraan yang dihoskan oleh Negara Brunei Darussalam.

Semasa kunjungannya, Pemerintah ABDB mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kolonel Andrew Lim di atas pembinaan 'SAFTI CITY' yang merupakan kawasan latihan dengan keluasan 88 hektar.

Kedua-dua belah pihak mengharapkan bagi pertukaran lawatan rasmi yang berterusan bagi meningkatkan hubungan ketenteraan di antara kedua-dua buah negara.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Pemerintah ABDB terima kunjungan hormat

BOLKIAH GARISON, Rabu, 5 April. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah telah menerima kunjungan hormat daripada Chief Medical Corp daripada Angkatan Tentera Singapura, Laksamana Pertama (Dr.) Tang Koong Choong, kelmarin.

Semasa kunjungan tersebut, Pemerintah ABDB telah mengalu-alukan kedatangan Laksamana Pertama (Dr.) Tang Koong Choong bersama delegasi itu ke negara ini.

Kedua-dua belah pihak menekankan kepentingan hubungan dua hala di antara ABDB dengan Angkatan Bersenjata Singapura dalam semua aspek termasuk bidang perubatan.

Secara amnya, hubungan ketenteraan yang telah terjalin di antara Brunei Darussalam dan Republik Singapura telah meningkat dan ini boleh dilihat melalui kunjungan hormat dan kursus-kursus bagi anggota yang telah dilangsungkan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (tiga, kiri) semasa menerima kunjungan hormat daripada Chief Medical Corp daripada Angkatan Tentera Singapura, Laksamana Pertama (Dr.) Tang Koong Choong (empat, kanan).

Kenaikan pangkat Inspektor empat anggota PDB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 April. - Seramai empat orang anggota Pangkat Rendah Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dinaikkan pangkat ke pangkat Inspektor yang telah bermula sejak 1 Mac 2017 lalu.

Kenaikan pangkat tersebut adalah merupakan pada menjunjung atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Kenaikan Pangkat yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Para penerima adalah terdiri

daripada SM 2379 Haji Nordin bin Haji Untong; SM 2133 Harun bin Chuchu; S/Sjn 3124 Mohammad Ali Dzulfikri bin Mohammad Taib dan S/Sjn 3065 Muhd. Hadi bin Muhd. Nasiruddin.

Juga hadir, isteri Pesuruhjaya Polis, Datin Hajah Kamariah binti Haji Abdul Hamid dan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta pegawai-pegawai kanan PDB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam menyematkan lencana kenaikan pangkat Inspektor kepada salah seorang Pegawai Polis (kanan).



Dewan Kemasyarakatan RPN Kg. Mentiri tempat beribadah sementara

MENTIRI, Jumaat, 7 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid sentiasa memedulikan kebajikan tempat ibadah terutama para penduduk di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri berikutan musibah kebakaran yang menimpa masjid di kawasan berkenaan baru-baru ini.

Berikutan itu, Dewan Kemasyarakatan RPN kampung tersebut dijadikan tempat peribadatan sementara bagi penduduk kampung itu dan kawasan sekitarnya.

Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 1, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit

ketika ditemui sangat berterima kasih atas keprihatinan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan membenarkan penggunaan dewan itu bagi tujuan beribadah serta aktiviti kebajikan lain.

Pengiran Haji Aliuddin juga menjelaskan penggunaan semula dewan itu mengimbas kenangan bagi para penduduk di situ kerana tempat itu pernah digunakan bagi peribadatan mereka sekitar tahun 1998 sehingga 2001 yang lalu.

Pihaknya juga mengakui merasa agak sebak dan sedih atas tragedi kebakaran yang menimpa masjid

mereka yang sudah berusia 16 tahun itu.

Apa yang mereka harapkan ialah agar masjid tersebut akan dapat dibaikpulih bagi kegunaan para penduduk di situ dan kawasan sekitarnya pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, pihak masjid terpaksa bertolak ansur memberikan ruang kepada mereka yang terlebih dahulu menempah awal dewan berkenaan bagi tujuan majlis-majlis perkahwinan dan sebagainya.

Beliau juga menyatakan ada sebahagian individu yang dermawan untuk memberikan sumbangan namun pihaknya masih menunggu tindak balas daripada pihak-pihak tertentu.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Sementara itu, Ketua Imam Masjid RPN Kampung Mentiri yang juga Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah menyatakan dewan yang digunakan sementara itu sudah mula digunakan sejak beberapa hari yang lalu bagi mengerjakan sembahyang fardu lima waktu.

Katanya, tikar sejadah yang terselamat dalam stor dan tangki air terpaksa dibawa ke dewan itu dengan bantuan kerja gotong-royong

daripada sebahagian penduduk kampung.

Kelengkapan seperti pembesar alat suara (P.A System), kitab Yaa Siin dan karpet daripada para jemaah serta barangan lain yang merupakan wakaf sebahagian individu yang dermawan.

Awang Abdul Aziz seterusnya menambah, Kelas Al-Quran dan Muqaddam kanak-kanak akan mula diadakan 14 April ini nanti jam 8.00 pagi sehingga 10.00 pagi.



PARA penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri dan umat Islam yang tinggal di sekitarnya menunaikan Solat Jumaat di Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri.



KETUA Imam Masjid RPN Kampung Mentiri yang juga Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah.



KETUA Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 1, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit.

Jerayawara AMBD ke Kementerian Pertahanan

Siaran Akhbar :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 April.- Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan jerayawara bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Jerayawara ini dimulakan dengan taklimat pengenalan mengenai tugas dan tanggungjawab AMBD dan seterusnya, taklimat mengenai Perintah Matawang, 2004, yang mana pihak AMBD menerangkan tatacara yang betul dalam mengendalikan matawang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam, yang disampaikan oleh Unit Pengurusan Matawang.

Taklimat "Credit Bureau - Its Role in Your Financial Future" juga telah disampaikan, di mana Unit Biro Kredit AMBD telah menerangkan peranan-peranan dan kepentingan Biro Kredit, serta perkhidmatan dan manfaat yang dapat diperolehi daripada laporan kredit.

Perkhidmatan 'Self Inquiry' yang ditawarkan oleh Unit Biro Kredit juga dikongsikan, di mana perkhidmatan ini membolehkan mana-mana individu dan syarikat untuk mendapatkan laporan kredit masing-masing

bagi menyemak dan meneliti maklumat-maklumat yang dilaporkan adalah betul.

Jerayawara diteruskan dengan taklimat mengenai Sistem Pendaftaran Cagaran yang baru dilancarkan oleh AMBD pada bulan Disember lalu. Taklimat terakhir semasa jerayawara tersebut adalah mengenai cara-cara untuk meningkatkan tahap celik kewangan, yang disampaikan oleh Unit Isu Pengguna Kewangan.

Juga turut dikongsikan adalah risiko-risiko yang berkaitan dengan Skim Cepat Kaya dan cara-cara untuk mengenalpasti penipuan kewangan.

Pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB juga diingatkan untuk hanya menjalankan urusan kewangan atau pelaburan dengan individu-individu atau institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD.

Jerayawara ini merupakan salah satu daripada siri jerayawara AMBD bagi Kementerian-Kementerian kerajaan yang bertujuan untuk membarigakan lagi peranan AMBD dan seterusnya meningkatkan tahap celik kewangan pegawai dan kakitangan agensi-agensinya kerajaan.

Kelebihan Sembahyang Berjemaah 27 Kali Darjat

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

TANAH JAMBU, Jumaat, 7 April. - Memakmurkan dan mengimarahkan masjid merupakan peluang untuk umat Islam membuat amal ibadat dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abdullah Radhi Radhiallahuanhu yang bermaksud, "Sembahyang berjemaah itu lebih afdal / lebih baik dari sembahyang bersendirian sebanyak 27 kali darjat."

Perkara tersebut dihuraikan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Muhd. Salleh semasa hadir selaku tetamu kehormat dan berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Kempen Solat Berjemaah

bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu dan Penduduk Kampung Tanah Jambu serta sekitarnya, di sini.

Bengkel selama tiga hari itu diadakan di Masjid Kampung Tanah Jambu dan telah bermula pada 3 April lalu. Ia julung kali diadakan dan disertai oleh seramai 41 orang peserta lelaki dan 17 peserta perempuan di bawah bimbingan tiga fasilitator yang bertujuan untuk memberikan kefahaman yang betul dan tepat mengenai perlaksanaan ibadah solat berjemaah lebih-lebih lagi di masjid, di samping sebagai usaha untuk memakmurkan masjid sebagai tumpuan setiap Muslimin dan Muslimat.

Para fasilitator yang terlibat dalam

bengkel ini terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Ustaz Haji Jamil bin Haji Abdul Ghani dengan tajuk 'Fadilat-Fadilat Berjemaah'; Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Ustaz Khairul Nazib bin Haji Awang Damit membawakan tajuk 'Wuduk dan Kesalahan dalam Saf', sementara Ketua Imam Masjid Kampung Tanah Jambu, Pengiran Haji Rusman bin Pengiran Haji Shahbudin menyampaikan tajuk 'Kesalahan-Kesalahan dan Ketidak Sempurnaan dalam Sembahyang'.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil-sijil penyertaan kepada para peserta bengkel yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.



PENGARAH Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Muhd. Salleh (dua, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Kempen Solat Berjemaah bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu dan Penduduk Kampung Tanah Jambu dan sekitarnya.



Adab dalam memberi nasihat dan teguran

Kerana tanpa adab dan cara yang betul, ia bukan sahaja akan menimbulkan salah faham bahkan akan menimbulkan kemarahan orang yang ditegur dan menyebabkan terjadinya pertengkaran kerana tidak semua orang boleh menerima nasihat dan teguran. Oleh itu, adab dan sopan perlu seiring dalam menasihati, menegur dan memberikan pendapat. Niat kita menegur seseorang itu mestilah betul, demi kebaikan dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkan, menghina, mendedahkan aib atau berniat buruk. Cara kita menegur mestilah berhemah, berhati-hati dan jangan sengaja mencari kelemahan orang yang ditegur. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Daripada Tamim Ad Dhari, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Agama itu nasihat. Kami bertanya : Kepada siapa? Baginda bersabda : Kepada Allah, kepada kitab-Nya, kepada Rasul-Nya, kepada para pemimpin kaum Muslimin dan kaum Muslimin secara umum." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sesungguhnya setiap nasihat atau teguran perlu diteliti dan dihalusi, orang yang menegur mestilah dalam keadaan tenang dan bukannya dalam keadaan marah dan emosi sehingga mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya kerana semua itu tidak akan menyelesaikan masalah, akan tetapi sebaliknya akan mengeruhkan lagi keadaan. Ada tatacara dan adab yang perlu kita ambil perhatian dalam menasihati dan menegur dengan cara yang baik, antaranya ialah :

Pertama : Berilah nasihat dan teguran dengan bahasa dan suara yang lembut, jangan sesekali kita menasihati dan menegur dengan suara yang tinggi dan menggunakan bahasa yang angkuh dan sombong kerana kita menasihati dan menegur bukan untuk mendedahkan aib orang. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Thaahaa, ayat 44 :

Tafsirnya : "Maka kamu katakan kepadanya

kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia beringat (sedar) atau takut (kepada Tuhan)."

Kedua : Elakkanlah dari menasihati dan menegur kesilapan atau kesalahan di depan orang ramai, nasihati dan tegurlah ketika dia sedang bersendirian atau ketika berada di tempat yang tertutup, berilah nasihat dan teguran dengan adab dan hormat bukannya dengan cara yang boleh menimbulkan perasaan malu kepada orang yang ditegur.

Ketiga : Berilah nasihat dan teguran dengan menggunakan perkataan-perkataan yang baik dan bermanfaat agar tidak menyinggung perasaan yang ditegur, berhati-hati dalam memilih perkataan yang sesuai agar orang itu tidak merasa terhina dan rendah diri. Berilah nasihat dengan akal fikiran dan hati bukannya dalam emosi.

Keempat : Orang yang menasihati dan menegur hendaklah meminta maaf selepas membuat teguran kerana tujuan meminta maaf itu adalah untuk memujuk perasaan orang yang ditegur supaya jangan terasa hati di atas nasihat dan teguran yang diberikan. Apabila kita ingin menasihati dan menegur seseorang, nasihati dan tegurlah sebagaimana kita inginkan diri kita ditegur atau dinasihati dan tegurlah sebagaimana kita inginkan anak dan ahli keluarga kita.

Kelima : Sentiasalah bersangka baik

terhadap orang yang kita nasihati dan tegur itu kerana mungkin mereka tidak mengetahui apa yang mereka lakukan adalah satu kesalahan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat, ayat 12 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa."

Budayakanlah amalan nasihat-menasihati dan tegur-menegur dengan kata-kata yang lemah lembut dan berbudi bahasa. Berilah nasihat dan teguran dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan cara penuh berhemah agar nasihat dan teguran dapat diterima dengan hati yang terbuka. Terimalah nasihat dan teguran dengan perasaan bersangka baik supaya kita dapat memperbaiki diri dan mengeratkan silaturahmi antara kita. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita semua akan hidup rukun damai, harmoni dan bersatu padu dan semoga kita semua akan dapat keselamatan, kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Surah An-Nahl, ayat 125 :

Tafsirnya : "Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Nabi Muhammad dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik."

ORANG yang menasihati dan menegur hendaklah meminta maaf selepas membuat teguran kerana tujuan meminta maaf itu adalah untuk memujuk perasaan orang yang ditegur supaya jangan terasa hati di atas nasihat dan teguran yang diberikan. Apabila kita ingin menasihati dan menegur seseorang, nasihati dan tegurlah sebagaimana kita inginkan diri kita ditegur atau dinasihati dan tegurlah sebagaimana kita inginkan anak dan ahli keluarga kita.

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang sempurna, Islam bukan sahaja menyuruh umatnya untuk beribadat seperti menyembahyang, puasa, menunaikan haji dan sebagainya. Malahan agama Islam juga menyuruh umatnya untuk menjaga kesejahteraan hidup, bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, Islam mengajar umatnya untuk saling nasihat-menasihati dan tegur-menegur antara satu dengan yang lain. Menasihati dan menegur adalah perbuatan yang sangat baik dan dianjurkan dalam Islam, sememangnya kita sebagai manusia perlu mendapat teguran sampai kita menyedari kesilapan, kesalahan dan kelemahan diri sendiri.

Perlu diingat, nasihat atau teguran yang disampaikan perlulah dengan adab dan sopan.

Kurma Safawy juadah berbuka menjelang Ramadan 1438



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Brahim bin Haji Ismail (tengah) semasa mempengerusikan Mesyuarat Penyelaras Pembahagian Kurma Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ramadan 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 April. - Sebanyak 157.5 tan metrik kurma jenis 'Safawy' yang dimuatkan dalam kontena berhawa dingin dijangka tiba ke negara ini pada minggu akhir bulan April 2017 ini.

Penghantaran kurma berkenaan melalui kapal laut itu didatangkan

daripada pembekal, Al Madinah Dates Company, Arab Saudi.

Kurma itu merupakan Kurma Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

bagi rakyat dan penduduk Islam di negara ini sebagai juadah berbuka puasa menjelang Ramadan bagi tahun ini.

Pengagihan kurma-kurma tersebut juga tidak menghadkan umur dan taraf kerakyatan setiap mereka di negara ini.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Perkara tersebut dijelaskan semasa Mesyuarat Penyelaras Pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Brahim bin Haji Ismail turut dihadiri oleh pegawai-pegawai daerah dan wakil-wakil dari Jabatan Daerah, pegawai-pegawai kerajaan mewakili agensi-agensi yang terlibat, iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Radio Televisyen Brunei serta pegawai-pegawai YSHHB.

Pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan dimulakan dengan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma yang akan diserahkan kepada para ketua kampung seluruh negara dan kemudiannya akan diagih-agihkan kepada anak buah kampung di bawah jagaan masing-masing.

Sementara itu, bagi anggota ABDB, penyerahan kurma kurnia peribadi tersebut akan diserahkan kepada Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, pengarah-pengarah unit di Kementerian Pertahanan pada Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma itu nanti dan seterusnya akan mengagihkan kepada pegawai dan kakitangan di bawah kawalan masing-masing.

Manakala penyerahan bagi PDB pada Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma itu nanti akan diserahkan kepada Pegawai-Pegawai Pemerintah dan pengarah formasi-formasi yang kemudiannya turut diagih-agihkan kepada pegawai dan kakitangan di bawah kawalan masing-masing.

Al Madinah Dates Company merupakan pembekal kurma kepada YSHHB secara berkontrak selama 3 tahun bermula pada 1438 Hijrah / 2017 Masihi dan sifir pembahagiannya adalah sebanyak 300 gram seorang (tanpa mengira umur) bagi rakyat dan penduduk Islam di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Pengurusan pembahagian kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM merupakan salah satu projek khas yang diungkuhkan oleh YSHHB.

SM SMJA raikan pelajar cemerlang Peperiksaan GCE 'O' Level 2016



PENGERUSI Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) SM SMJA, Awang Haji Haji bin Haji Othman semasa menyampaikan hadiah kepada penerima Anugerah Pelajar Cemerlang Keseluruhan, Awang Muhammad Haziq Ihsanuddin bin Haji Zainal Ariffin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) mencapai peratus keputusan GCE 'O' Level 2016 yang agak memberangsangkan termasuk 43.2 peratus pelajar memperoleh sekurang-kurangnya lima kredit.

Peningkatan drastik 11 peratus berbanding sebelumnya dan sebanyak 16 dari 20 mata pelajaran menunjukkan peningkatan di tahun 2015 manakala 14 mata pelajaran lagi telah melimpasi pencapaian kebangsaan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengetua SM SMJA, Awang Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Mornie merangkap Pegawai Pelajaran Kanan semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Anugerah Akademik SM SMJA bagi Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Menurut Awang Haji Juma'ata Sonadey, pencapaian tersebut tidak akan dapat dihasilkan tanpa komitmen yang tinggi dalam kalangan pelajar, ibu bapa, penjaga para guru dan pihak pentadbiran sekolah.

Terdahulu, beliau menjelaskan, sebanyak lima kategori penghargaan yang akan dianugerahkan, iaitu Pelajar Cemerlang yang mendapat 10, 9 dan 8 kredit; Pelajar Cemerlang Keseluruhan; Pelajar yang Menunjukkan Peningkatan dari Peperiksaan Kelayakan kepada 8 Kredit dan ke

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

atas; serta Guru-Guru Mata Pelajaran Cemerlang 2016.

Anugerah Pelajar Cemerlang Keseluruhan dimenangi oleh Pacey Ting Zhao Ying dan Awang Muhammad Haziq Ihsanuddin bin Haji Zainal Ariffin.

Manakala seramai 48 pelajar telah menerima Anugerah Pelajar Cemerlang yang mendapat 10, 9 dan 8 kredit; 13 pelajar pula telah menerima Anugerah Pelajar Cemerlang A+; dan Anugerah Pelajar yang Menunjukkan Peningkatan dari Peperiksaan Kelayakan kepada 8 kredit dan ke atas diberikan kepada 55 pelajar.

Sementara itu, seramai 33 guru telah menerima Anugerah Guru-Guru Mata Pelajaran Cemerlang 2016.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pelajar cemerlang pada majlis tersebut ialah Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) SM SMJA, Awang Haji Haji bin Haji Othman.

Atur cara juga diteruskan dengan tayangan klip video pendek sekolah tersebut serta persembahan gulintangan dan tarian daripada penuntut sekolah menengah berkenaan.

Syukur pemberian sambut kelahiran anak damit

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 April. - Keprihatinan serta pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat akan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini secara berterusan dan ini termasuk dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Sehubungan itu, pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu telah mula dikuatkuasakan pada 1 April lalu.

Pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu ini, adalah semata-mata untuk mengurangkan beban kewangan bagi ibu bapa yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang mempunyai anak yang baru dilahirkan.

Selain itu, ia juga bagi memastikan anak berkenaan akan mendapatkan penjagaan yang sewajarnya terutama sekali dari aspek kesihatan bagi memastikan mereka terjaga dari segi kesejahteraan dan pemakanan serta mendatangkan pelbagai manfaat baik kepada ibu dan anak.

Dengan pemberian itu juga

diharap akan menggalakkan ibu-ibu dapat menyusukan anak mereka sebagaimana yang digalakkan dalam Islam sehingga anak mereka berumur 2 tahun.

Pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu ini, adalah sebagai usaha kerajaan bagi meringankan beban dari segi perbelanjaan yang banyak, apatah lagi bagi yang kurang mampu dan ia sebenarnya sebagai hadiah kerajaan yang patut kita syukuri dalam menyambut kelahiran anak damit.

Dalam pendekatan Pelita Brunei bersama orang awam baru-baru ini mengenai pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu, Dayang Faridah binti Haji Abdul Rais dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan ketika ditemui berkata berharap, orang ramai akan memanfaatkan dengan sebaiknya kerana pemberian yang sangat bernilai ini bagi ibu-ibu yang baru melahirkan anak.

Bagi Dayang Husnol Azrini binti Awang Haji Jublie dari Kampung Sungai Hanching pula melahirkan rasa syukur kerana dikurniakan raja yang prihatin kepada rakyat dan penduduknya terutama dalam pemberian seumpama ini.



"IA merupakan satu keberuntungan bagi rakyat serta penduduk negara ini dan kita seharusnya juga menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan baginda dalam memberi kemudahan ini." - Dayang Husnol Azrini binti Awang Haji Jublie.

"PEMBERIAN seumpama ini sememangnya sangat bagus, di samping ia dapat menjimatkan kewangan para ibu bapa yang menyambut kelahiran anak kecil mereka dan semestinya mengurangkan lagi jumlah perbelanjaan mereka untuk keperluan anak kecil tersebut." - Dayang Faridah binti Haji Abdul Rais.



SEBAHAGIAN pelajar yang menerima Anugerah Pelajar Cemerlang.

Jerayawara dedahkan PKBN kepada masyarakat

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) mengadakan Jerayawara Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bagi Tahun 2017 selama empat hari bermula hari ini di The Mall, Gadong, di sini.

Urus setia PKBN (Ibu Pejabat), Awang Karia @ Muhd. Zakaria bin

Haji Tahir ketika ditemu bual menjelaskan, jerayawara tersebut secara keseluruhannya melibatkan seramai sembilan ahli urus setia BKBN serta beberapa sukarelawan daripada Alumni PKBN.

Beliau seterusnya menjelaskan, tujuan alumni dipelawa untuk menyertai jerayawara berkenaan selaku sukarelawan adalah untuk menjelaskan sendiri pengalaman

mereka semasa menyertai PKBN.

Jerayawara tersebut khusus bagi mendedahkan PKBN secara meluas lagi kepada pelbagai lapisan masyarakat terutama belia dan beliawanis yang berhasrat untuk menyertai latihan PKBN pengambilan tahun ini.

Penubuhan PKBN bermatlamat untuk melahirkan generasi belia yang bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, bersatu padu, cekal serta mampu untuk menyumbang pada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkukuhkan ketahanan nasional.



JERAYAWARA Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bagi Tahun 2017 diadakan selama empat hari di The Mall, Gadong.

Kampung Labu Estate destinasi tarikan pelancong

Oleh : Muhd. Huzmi Lawi, penempatan mahasiswa dari
Universiti Brunei Darussalam
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Muhd. Huzmi Lawi



KAMPUNG Labu Estate terletak di Mukim Labu, Daerah Temburong, kira-kira 15 kilometer dari Pekan Bangar dan mempunyai keluasan 7.2132km persegi. Kampung tersebut ditadbir oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir sejak bulan Disember tahun 2014 sebagai Ketua Kampung.

Kampung Labu Estate sebagaimana kampung-kampung yang lain juga mempunyai beberapa prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti Sekolah Rendah Labu Estate sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Kampung Labu, bekalan api elektrik, air dan sebagainya.

SEJARAH AWAL

Sejarah awal pembukaan Kampung Labu bermula dengan penempatan awal sekumpulan puak Murut yang mendiami sebuah kawasan di hulu Sungai Labu pada Kurun Ke-19 yang juga mendiami beberapa kawasan lain seperti di Sungai Senukoh, Sungai Sipal dan Sungai Meragang (sebagaimana catatan Awang Haji Metussin bin Aliakhtar, Sejarah Ringkas Asal Usul Kampung Labu Estate untuk Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan di Daerah Temburong pada 10 - 15 Oktober 1968).

Penempatan di hulu Sungai Labu itu kemudiannya berkembang apabila berlakunya aktiviti migrasi penduduk dari luar daerah yang begitu tertarik dengan perusahaan pertanian di kampung itu dan kemudiannya mendirikan rumah di tebing Sungai Labu sehinggalah berkembang maju menjadi sebuah kampung dinamakan Kampung Labu.

Menurut dari temu bual penulis dengan Ketua Kampung Labu Estate, Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir menyatakan, Kampung Labu adalah bersempena dengan nama yang diberikan oleh pengusaha estet getah di kampung itu iaitu Labu Estet (Labu Estate). Nama Labu Estate digunakan secara meluas dalam segala urusan estet termasuk alamat surat-menyurat, malahan penduduk kampung juga menggunakan nama itu sebagai merujuk kampung mereka.

MUZIUM TAPAK TERBUKA (OPEN-AIR MUSEUM)

Projek Jambatan Temburong yang akan menghubungkan Jalan Utama Mentiri di Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Jalan Labu Estate di Daerah Temburong dengan merentasi Teluk Brunei dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019 itu nanti sedikit sebanyak akan memberikan sumbangan yang besar ke arah pertumbuhan ekonomi di daerah Temburong umumnya. Bagi Kampung Labu Estate sekurang-kurangnya akan menjadikan kampung tersebut sebagai salah satu destinasi yang berpotensi untuk menjadi tarikan pelancong.

Antara tempat-tempat yang menarik yang terdapat di Kampung Labu Estate ialah tempat bersejarah dikenali sebagai tapak Industri Getah Labu Estate. Tapak Industri Getah Labu Estate ini merupakan Muzium Tapak Terbuka (Open-Air Museum) yang telah dilancarkan pada 5 Ogos 2010 oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong pada masa itu iaitu Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Muhammad.

Sebagai Muzium Tapak Terbuka (Open-Air Museum), tapak Industri Getah Labu Estate antara lain memperlihatkan pemrosesan getah dan memperlihatkan pameran mengenai fungsi bangunan dan peralatan yang terdapat di sekitar kawasan tersebut untuk kunjungan orang ramai, para pelajar dan pelancong luar negara.

Getah mula ditanam di Sungai Labu pada tahun 1908 oleh seorang pengusaha berbangsa Eropah bernama Mr. Abrahamson dan mula ditoreh pada tahun 1914. Perusahaan penanaman getah adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan penduduk di kampung tersebut.

Penghasilan getah di Kampung Labu Estate ini meningkatkan pendapatan negara pada masa itu yang sebelumnya banyak bergantung kepada hasil-hasil tanaman hutan seperti balak, getah jelutong dan sagu untuk dieksport ke luar negeri.

Kejayaan Kampung Labu Estate sebagai salah sebuah pengeluar utama getah negara telah menyebabkan estet tersebut mengambil pekerja-pekerja buruh tempatan dan luar negeri. Menurut sejarah lisan, pada tahun 1930-an jumlah penduduk Kampung Labu Estate ialah lebih kurang seramai 700 orang dan sebahagian besarnya pekerja-pekerja estet yang dianggarkan seramai 500 orang. Di sini jelas membuktikan perusahaan ladang getah merupakan salah satu perusahaan yang terbesar sebelum adanya penemuan minyak dan gas.

Tapak Industri Getah Labu Estate merupakan bukti peninggalan industri pertanian yang paling awal dan mengingatkan kita kepada perladangan komersial di negara ini yang merupakan industri pertanian komersial pertama di Brunei pada awal abad ke-20. Menurut sumber daripada Ketua Kampung Labu Estate, barang-barang ataupun bahan yang digunakan dalam proses pembuatan



getah ini telah diambil alih oleh pihak Muzium Brunei untuk digazetkan dan disimpan kerana artifak-artifak bersejarah ini perlu dipelihara dan diarkibkan.

Selain mempunyai sebuah kawasan tapak bersejarah, kampung ini juga mempunyai sebuah material budaya yang bernilai sejarah iaitu 'Beduk Kampung Labu Estate'. Beduk tersebut pada asalnya digunakan oleh pekerja-pekerja kompeni Labu Estate untuk membangunkan mereka yang akan bertugas di estet tersebut khususnya di bahagian Gudang Asap. Selain itu, beduk tersebut juga berperanan penting pada bulan Ramadan bagi menandakan waktu bersahur dan membuka puasa.

HASRAT

Hasil sumber sungai di kampung tersebut menurut ketua kampung berkenaan seperti ikan dan udang galah 'Labu' adalah berpotensi untuk diangkat sebagai produk kampung di samping produk yang dihasilkan pada masa ini melalui Ahli Jawatankuasa Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung Labu Estate iaitu keropok udang, keropok

Labu Kuning dan kuih-muih.

Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir berharap MPK berkenaan akan dapat memainkan peranan yang proaktif dalam sama-sama memajukan Kampung Labu Estate dengan kerjasama penduduk kampung sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Ke-3 pada hari Khamis, 27 Februari 2014 Masihi bersamaan 27 Rabiulakhir 1435 Hijrah di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas :

"Kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah mukim dan kampung adalah terletak pada sejauh mana kepimpinan itu berlaku kepada anak-anak buah mukim dan kampung itu sendiri. Jika kepimpinan itu baik dan maju pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan."



ANTARA artifak-artifak bersejarah yang terdapat di tapak Industri Getah Labu Estate.

Sekolah Menengah Sufri Bolkiah johan Bola Jaring

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan



FATIN Atifah binti Abang Jaludin dari Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Tutong terpilih sebagai pemain terbaik.

TUTONG, Khamis, 6 April 2017. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong mengadakan Kejohanan Peringkat Akhir Bola Jaring Sekolah-Sekolah Menengah Kluster 5 yang berlangsung selama sehari bermula jam 8.00 pagi kelmarin dan dikendalikan oleh Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan yang diadakan di Kompleks Sukan Tutong itu ialah Ketua Kokurikulum Daerah Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Ajamain bin Haji Othman.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan sijil penyertaan bagi sekolah yang menyertai oleh tetamu kehormat dan sesi bergambar ramai.

Juara kejohanan tersebut disandang oleh tuan rumah, iaitu Sekolah Menengah Sufri Bolkiah diikuti oleh Sekolah Menengah Tanjung Maya di tempat kedua sementara tempat ketiga diraih oleh Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

Sepanjang kejohanan, Fatin Atifah binti Abang Jaludin dari Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Tutong terpilih sebagai pemain terbaik manakala penjaring terbanyak diraih oleh Nadia Emeily Tania binti Haji Khalideen dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Kejohanan tersebut adalah bagi Kategori 'B', iaitu pelajar berumur 15 tahun ke bawah, yang mana sebanyak empat buah Sekolah Menengah Kawasan Kluster 5 telah menyertai kejohanan bagi Kategori 'B' ini.

Turut hadir di kejohanan ini ialah

Pengetua-pengetua, timbalan-timbalan pengetua sekolah-sekolah yang terlibat, pegawai-pegawai kokurikulum Tutong dan juga guru-guru pengawas pasukan bola jaring sekolah-sekolah yang mengikut kejohanan ini.

Tujuan kejohanan tersebut diadakan adalah sebagai salah satu projek tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong yang diharap dapat dapat menjalinkan hubungan silaturahim dalam kalangan murid-murid, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keluhuran budi, membina jasmani dan rohani yang sihat serta mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.

Kejohanan ini terbuka kepada Sekolah-Sekolah Menengah / Maktab-Maktab Kawasan Kluster 5.

Penyertaan hanya terbuka kepada pelajar perempuan sahaja mengikut umur yang telah ditetapkan bagi setiap kategori.



PASUKAN Bola Jaring Sekolah Menengah Sufri Bolkiah juara Kejohanan Peringkat Akhir Bola Jaring Sekolah-Sekolah Menengah Kluster 5.



ANTARA aksi perlawanan pada Kejohanan Peringkat Akhir Bola Jaring Sekolah-Sekolah Menengah Kluster 5.

Tabuan 'A' berpesta gol



Oleh: Aimi Sani
Foto: Azmah Haji Ahad

MUKIM KILANAS, Jumaat, 7 April. - Pasukan Tabuan 'A' berpesta gol setelah membelasah Pasukan BTC Red Star dengan 3 - 0 di Liga Remaja Bawah 16 Tahun (B-16) Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang berlangsung di Padang Bola Sepak Mukim Kilanas, di sini.

Pemain pasukan Tabuan 'A', berjersi 4, Awang Aisan Asisamuddin beraksi cemerlang setelah menjaringkan gol pertama seawal minit ke-11.

Pada separuh masa kedua pula, Pasukan Tabuan 'A' terus sahaja mendominasi perlawanan dengan

pertahanan kental yang diterajui oleh Kapten Pasukan, Awang Raiezwan bin Radimas.

Pada minit ke-45, Wafiy Izzuddin sekali lagi menjaringkan gol menerusi serangan balas yang pantas dari Pasukan Tabuan 'A', manakala jaringan daripada Awang Aminuddin Haji Masri melalui sepakan penalti pada minit ke-59 menambahkan lagi penderitaan yang ditanggung oleh Pasukan BTC Red Star.

Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFAB bertujuan bagi memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada jurulatih-jurulatih pasukan di bawah 16 tahun, di samping memberikan peluang kepada pemain-pemain untuk menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran dalam kejohanan dan menyerapkan budaya fair play dalam permainan.

PASUKAN Tabuan 'A' bergambar ramai sebelum perlawanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun dimulakan.

Pasukan SMMH johan Kategori 'B' Bawah 15 Tahun

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 5 April. - Pasukan (SMMH) muncul johan bagi Kategori Sekolah Menengah Muda Hashim 'B' Bawah 15 Tahun dalam

Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Menengah / Maktab Peringkat Kluster 5, Tahun 2017.

Perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong itu menyaksikan juara berjaya

menumpaskan Pasukan Ma'had Islam Brunei dengan keputusan 4-3 menerusi sepakan penalti.

Pemenang Kategori 'C' Bawah 18 Tahun pula disandang oleh Pasukan SMMH setelah menewaskan Pusat Tingkatan Enam Tutong dengan

jaringan berkesudahan 2-0.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee.

Pendaftaran Piala Elit Belia Bawah 16 NFABD dibukakan

Siaran Akhbar :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 April. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) membukakan pendaftaran bagi NFABD Piala Elit Belia Bawah 16.

Kejohanan 12 pasukan bakal bermula pada 28 April dan akan bermain di enam tempat yang berbeza di Daerah Brunei dan Muara, iaitu Padang NFABD; Kompleks Sukan Berakas; Padang dan Balapan; Kompleks Sukan Sungai Kebun Padang 'A'; Kompleks Sukan Sungai Kebun Padang 'B' dan Padang Kemasyarakatan Bengkurong.

Pendaftaran akan ditutup pada 17 April ini dengan pengesahan akhir pemain akan dikemukakan semasa mesyuarat pengurus pada 21 April.

Setiap pasukan boleh mendaftarkan pemain yang lahir pada tahun 2001, 2002 dan 2003, manakala pemain yang lahir pada tahun 2004 perlu mendapatkan kebenaran dari Jawatankuasa Penganjur.

Pasukan yang mengambil bahagian tidak dibenarkan mendaftarkan pemain yang kini di bawah pasukan belia NFABD.

Yuran penyertaan ditetapkan sebanyak BND50. Yuran pembayaran hendaklah diserahkan ke Bahagian Pertandingan NFABD tidak lewat jam 5.00 petang, pada 17 April 2017.

Borang-borang penyertaan boleh didapati di Pejabat NFABD, Berakas.



ANTARA aksi antara Pasukan Sekolah Menengah Muda Hashim (jersi hitam) menentang Pasukan Ma'had Islam Brunei (jersi hijau).

Kejohanan Olahraga Antara Rumah-Rumah MSPSBS

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 April. - Lebih 500 pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) terlibat pada Kejohanan Olahraga Antara Rumah-Rumah Ke-42 berlangsung di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan tersebut ialah Pengetua maktab berkenaan, Awang Haji Ismail bin Awang Haji Zainal.

Aturcara kejohanan dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, lagu maktab dan senamrobik

beramai-ramai.

Ini diikuti dengan perbarisan lalu Pasukan Beruniform dan Pasukan Rumah-Rumah, iaitu Rumah Panglima, Rumah Laksamana, Rumah Hulubalang dan Rumah Pahlawan.

Upacara kemudian diteruskan dengan pembukaan rasmi kejohanan berkenaan oleh tetamu kehormat dan seterusnya tetamu kehormat diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan rumah-rumah.

Kemudian diteruskan dengan bacaan ikrar dari Awang Muhammad

Faiz bin Supian yang merupakan pelajar yang merangkul Bintang Sukan pada tahun lepas dengan meraih tiga pingat emas.

Dalam kejohanan ini, sebanyak 11 acara sukan dipertandingkan, iaitu Lontar Peluru, Lompat Jauh, Rejam Lembing, Lempar Cakera, Lari 400 Meter, Lari 800M, Lari 1500M, Lari 100M, Lari 200M, Lari 4 x 100M Berganti-Ganti dan Lari 4 x 100M Berganti-Ganti (jempunan).

Tujuan utama kejohanan diadakan adalah bagi mengeratkan hubungan tali silaturahmi dan keakraban dalam kalangan para pelajar dan guru serta kakitangan maktab tersebut, di samping mengamalkan gaya hidup sihat.



PERBARISAN lalu pasukan-pasukan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) di Kejohanan Olahraga Antara Rumah-Rumah Ke-42.

Tahukah Awda

DALAM usaha Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dan mudah kepada orang ramai, JIPK melalui Bahagian Dokumen Perjalanan akan memperkenalkan perkhidmatan 'Tempahan Awal' bagi tarikh dan masa untuk orang ramai membuat permohonan baharu dan membaharui pasport atau dokumen perjalanan Negara Brunei Darussalam.

Melalui perkhidmatan ini, orang ramai hanya perlu menghubungi Bahagian Dokumen Perjalanan melalui talian 2381856 atau 2382257 dan seterusnya menempah awal slot masa pada tarikh bersesuaian bagi membuat permohonan pasport. Waktu menerima panggilan bagi membuat tempahan bermula dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Pada peringkat permulaan ini, perkhidmatan ini hanya akan dilaksanakan di Ibu Pejabat, JIPK. Bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan ini berjalan dengan baik dan teratur, ia akan dilaksanakan secara rintis bermula Selasa, 7 Mac 2017.

SUMBER : Siaran Akhbar JIPK, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMBERI NASIHAT DAN TEGURAN HENDAKLAH SECARA BERHEMAH

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.